




Memperkasa *Kualiti* Hidup
Improving *Quality* of Life

LAPORAN TAHUNAN 2021



1	Rasional Reka Bentuk	30	Bidang Fokus: Kesejahteraan Komuniti
2	Perutusan Pengerusi	36	Bidang Fokus: Alam Sekitar
4	Penyata Yayasan Johor Corporation	37	Pendigitalan Yayasan Johor Corporation
9	Perjalanan Yayasan Johor Corporation	39	Program Webinar
10	Pencapaian Yayasan Johor Corporation 2021	40	Perancangan Strategik Yayasan Johor Corporation
12	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	42	Jawatankuasa Pematuhan & Tadbir Urus
13	Anggota Pekerja Yayasan Johor Corporation	44	Aktiviti dan Program 2021
14	Maklumat Korporat	51	Maklumbalas Keberkesanan Program Yayasan Johor Corporation
16	Bidang Fokus: Pendidikan	52	Liputan Media
20	Bidang Fokus: Seni, Budaya dan Warisan	54	Penyata Kewangan
		70	Sekalung Penghargaan



RASIONAL REKA BENTUK

Yayasan JCorp dalam konsep ini disifatkan sebagai Talian Hidup menghubungkan pelbagai aspek pembangunan dan sokongan masyarakat melalui 4 teras utamanya.

Ia mengiaskan kesinambungan hidup yang diberikan kepada setiap insan yang memerlukan hasil usaha yayasan itu.

Talian Hidup ini digambarkan sebagai garis pena yang membentuk lakaran setiap teras tersebut. Ia memperlihatkan unsur kemanusiaan, kelembutan dan kreativiti yang diperjuangkan inisiatif-inisiatif Yayasan JCorp.

“PIHAK PENGURUSAN MELIHAT PERUBAHAN INI DAN MENYUSUN PELAN TINDAKAN SEIRING PERSEKITARAN BAHARU ERA DIGITAL.”



YAYASAN JCORP PELAKSANA AGENDA ESG, PEMBENTUK MODAL INSAN

ASSALAMUALAIKUM
Warahmatullahi-wabarokatuh.

Pada tahun 2022 ini, dunia terus mengalami perubahan dan pergolakan sosioekonomi. Pandemik COVID-19 yang menular mulai 2019 telah meruntuhkan banyak sistem, kelaziman dan tatacara normal. Pada sisi lain, krisis kesihatan ini telah mempercepatkan penerimaan teknologi digital sehingga mengambil alih pelbagai urusan yang selama ini dilakukan secara manual atau konvensional, serta meletakkan pelaksanaan lebih banyak urusan pada hujung jari.

Sejak pandemik COVID-19 melanda, kita menempuh senario-senario yang tidak pernah terjangkau fikiran. Justeru hari ini, kita semakin jauh meninggalkan kelaziman dan mula menerima norma baharu walaupun asalnya merasa janggal dan terpaksa.

Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) turut menerima kesan pandemik ini dan diasak perubahan. Pihak pengurusan melihat perubahan ini dan menyusun pelan tindakan seiring persekitaran baharu era digital. Untuk itu Johor Corporation (JCorp), selaku badan induk yang menubuhkan

Yayasan JCorp, melihat kewajaran dan keutamaan untuk bergerak di era norma baharu dengan memenuhi keperluan, memiliki daya tahan serta kebijaksanaan berstrategi ketika melunaskan peranan dan tanggungjawabnya.

Dengan itu, beberapa peranan dan tanggungjawab Yayasan JCorp perlu dilunaskan. Selain peranannya sebagai pelaksana aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) JCorp serta Syarikat Kumpulan, Yayasan JCorp kini diberi tanggungjawab tambahan. Khususnya, Yayasan JCorp diberi tugas membantu

melaksanakan Pelan Kemampanan 2022-2026 bagi mencapai Agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

ESG adalah elemen penting ketika ini bagi mengukur kelestarian sesebuah entiti, syarikat atau projek pembangunan, serta daya maju sesuatu pelaburan. Ini bermakna, Yayasan JCorp perlu ke hadapan dan memainkan peranan utama secara khusus dalam memandu pelaksanaan Agenda ESG JCorp dan syarikat Kumpulan dalam tempoh lima tahun ini.

Untuk itu, Yayasan JCorp perlu menambahbaik dan meningkatkan struktur tadbir urus, serta mengkaji dan seterusnya mewujudkan polisi-polisi bagi memenuhi kualiti dan impak standard piawai yang ditetapkan.

Menerusi pelbagai platform yang diwujudkan untuk komunikasi dengan kumpulan sasar, Yayasan JCorp akan menerapkan amalan terbaik ESG kepada pelajar sekolah, belia dan penuntut universiti selain guru, ibu bapa serta komuniti. Penerapan nilai yang dilakukan menerusi program dan projek yang dikenal pasti ini mampu memberi impak maksimum kepada kumpulan sasar tersebut. Komitmen ini juga adalah selaras dengan slogan Yayasan JCorp iaitu **Memperkasa Kualiti Hidup**, sekali gus menjadi pelengkap kepada misi JCorp - **Membina dan Membela**.

Aspirasi dan iltizam bagi slogan Yayasan JCorp ini kami akan realisasikan dan jayakan menerusi empat bidang fokus utama Yayasan JCorp iaitu: Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar serta Kesejahteraan Komuniti. Semua bidang ini adalah asas yang sangat penting dan berkait rapat dengan usaha membina insan yang kaya dari segi kualiti hidup.

Pelaksanaan pelbagai program yang melibatkan empat bidang fokus utama Yayasan JCorp diharapkan mampu memperkasakan proses yang menjurus kepada membina jati diri, mengasah seni, kreativiti dan kemampuan berkarya, serta meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti. Ini dapat dijayakan menerusi program

6 ASPIRASI DAN ILTIZAM BAGI SLOGAN YAYASAN JCorp INI KAMI AKAN REALISASIKAN DAN JAYAKAN MENERUSI EMPAT BIDANG FOKUS UTAMA YAYASAN JCorp IAITU: PENDIDIKAN; SENI, BUDAYA DAN WARISAN; ALAM SEKITAR SERTA KESEJAHTERAAN KOMUNITI. 9

bantuan dan peluang kemahiran pekerjaan, penguasaan digital serta kemahiran keusahawanan yang mampu memenuhi keperluan modal insan yang berdaya saing dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Kesejahteraan Komuniti adalah bidang fokus baharu Yayasan JCorp yang mula diangkat pada tahun 2021. Pelaksanaannya melibatkan, contohnya, sumbangan yang disalurkan kepada komuniti bagi meringankan beban kehidupan dan membantu pembangunan sosioekonomi mereka untuk menikmati kehidupan keluarga yang lebih selesa.

Program-program yang dilaksanakan Yayasan JCorp juga kami harapkan menjadi sumbangan penting kepada usaha negara untuk memperkasakan modal insan. Ia memupuk pembentukan insan berwibawa, berkemahiran serta berkeupayaan menguasai bidang tertentu dalam keusahawanan digital dan pengurusan kewangan. Ia turut membentuk jati diri dan keprihatinan terhadap budaya warisan, penjagaan alam sekitar serta kesejahteraan komuniti.

Kesan tidak langsung daripada inisiatif program yang dilaksanakan Yayasan JCorp ini adalah meningkatkan potensi, kreativiti dan kemahiran diri peserta untuk lebih berdikari seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada mereka.

Seiring dengan perubahan semasa, Yayasan JCorp juga sentiasa memperkukuhkan peranannya sebagai penyepadu sistem dengan mempelbagaikan rakan strategik baharu di samping yang sedia ada. Saya bagi pihak

Yayasan JCorp dengan penuh takzim ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan atas penglibatan, sokongan, komitmen dan jalinan kerjasama daripada pelbagai pihak. Alhamdulillah, pada tahun 2021, Yayasan JCorp berjaya bekerjasama dengan rakan-rakan strategik baharu iaitu Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Petronas, Global Sadaqah dan Deloitte Malaysia, selain sokongan Kerajaan Negeri Johor serta Kerajaan Persekutuan menerusi Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) Ihsan Negeri Johor dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri.

Kami juga turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Syarikat Kumpulan JCorp iaitu Kulim (M) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, Johor Land Berhad serta Waqaf An-Nur Corporation Berhad atas sumbangan bagi menjayakan pelbagai program anjuran Yayasan JCorp sepanjang tahun 2021.

Kepada semua rakan strategik dan penyumbang, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas komitmen yang diberikan. Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Tidak dilupakan juga kepada seluruh anggota pekerja Yayasan JCorp yang telah menunjukkan kesungguhan, komitmen dan kerja keras yang berterusan dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Dalam melangkah masuk tahun ke 2022 ini, saya mendoakan semoga Allah SWT memudahkan semua urusan kita dan menganugerahkan kesejahteraan serta kebaikan kepada semua anggota pekerja, rakan strategik sama ada organisasi mahupun individu, serta semua pihak yang menyokong Yayasan JCorp.



ROZAINI MOHD SANI

Pengerusi Yayasan Johor Corporation

❦ PADA 2021, YAYASAN JCORP DISUSUN UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN MELUASKAN BIDANG PERANAN. ❧



MELAKSANAKAN VISI, MISI DAN PERANAN YAYASAN JCORP 2022-2026

PENGENALAN

YAYASAN Johor Corporation (Yayasan JCorp) adalah entiti yang ditubuhkan Johor Corporation (JCorp) pada tahun 1997 untuk menjadi pelaksana aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) JCorp dan Syarikat Kumpulan. Pada 2021, Yayasan JCorp disusun untuk meningkatkan keberkesanan dan meluaskan bidang peranan. Seterusnya, Yayasan JCorp melaksanakan inisiatif serta memegang peranan dalam bidang baharu pada 2021 seiring perubahan masa.

PEMUSATAN AKTIVITI CSR KUMPULAN JCORP

Antara inisiatif yang dilaksanakan menerusi penstrukturan semula Yayasan JCorp adalah melakukan pemusatan (centralization) bagi semua aktiviti CSR Syarikat Kumpulan. Langkah itu membentuk satu titik fokus yang penting bagi membolehkan JCorp

menyatukan dana, menyelaraskan aktiviti serta menyalurkan rantai arahan yang lebih jelas menerusi satu saluran tunggal, iaitu Yayasan JCorp, bagi melaksanakan CSR Syarikat Kumpulan. Langkah pemusatan memberi kesan positif khususnya pengurangan perbelanjaan

serta pelaksanaan arahan yang pantas. Dari sudut lain, ia mendorong peningkatan impak dan kecekapan pengurusan, serta memudahkan kawalan. Ini sekali gus mengelakkan pertindihan aktiviti selain memintas rintangan birokrasi yang kerap menjejaskan prestasi inisiatif.

VISI



Institusi terkemuka yang menyediakan platform untuk meningkatkan kualiti hidup dan sosioekonomi untuk semua lapisan masyarakat di seluruh negara.

MISI



- Menjadi barisan hadapan dalam menjayakan agenda ESG Johor Corporation dan Syarikat Kumpulan
- Penerapan pendigitalan ke arah keupayaan yang efisien
- Menjayakan program yang berkualiti dan berimpak tinggi
- Memperluaskan jaringan melalui kerjasama strategik dengan pihak luar

SLOGAN

Memperkasa Kualiti Hidup
Improving Quality of Life

EMPAT FOKUS UTAMA

Untuk 2021, sejumlah RM5.4 juta diperuntukkan oleh Yayasan JCorp untuk membiayai pelbagai program CSR yang melibatkan pelajar, guru, ibu bapa serta komuniti. Yayasan JCorp turut membantu pertubuhan, badan bukan kerajaan (NGO) serta agensi kerajaan yang memerlukan sokongan.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM4.8 juta dibelanjakan untuk melaksanakan empat bidang fokus utama iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar; serta Kesejahteraan Komuniti.

Peruntukan itu disalurkan kepada Yayasan JCorp oleh 4 syarikat penaja utama iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, KPJ Healthcare Berhad dan Johor Land Berhad. Selain itu, Yayasan JCorp juga turut menerima sumbangan daripada Waqaf An-Nur Corporation Berhad, Damansara Holdings Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, TPM Technopark Sdn Bhd, TLP Terminal Sdn Bhd dan Damansara REIT Managers Sdn Berhad serta pertubuhan/NGO JCorp berdasarkan aktiviti dan keperluan tertentu.

**PENDIDIKAN**

Pandemik COVID-19 telah membelenggu kehidupan hampir sepanjang tempoh 2021. Selaras dengan usaha membanteras penularan wabak itu, Yayasan JCorp melakukan pendekatan lebih selamat dengan beralih kepada penggunaan teknologi bagi melaksanakan aktiviti secara virtual. Program ini memberi manfaat kepada pelajar, ibu bapa, guru serta institusi pendidikan dan komuniti.

Program utama yang dilaksanakan menerusi bidang fokus pendidikan adalah Projek Tuisyen Yayasan JCorp. Ia adalah antara program teras Yayasan JCorp yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ).

Program tuisyen ini melibatkan murid sekolah rendah di seluruh Johor dengan objektif memberi peluang kepada mereka yang tidak



Pelajar projek tuisyen mengisi masa dengan membaca buku Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran

berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan tambahan formal di sekolah. Pada 2021, program ini ditambahbaik menerusi pembangunan modul Bahasa Inggeris iaitu 'Strive for Success' yang dilaksanakan dengan kerjasama Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran JPNJ.

6 PADA 2021, PROGRAM INI DITAMBAHBAIK MENERUSI PEMBANGUNAN MODUL BAHASA INGGERIS IAITU 'STRIVE FOR SUCCESS'... 9

Program kedua menerusi bidang fokus pendidikan adalah Celik Kewangan Pro Du-It yang dilaksanakan sejak 2017. Ia distruktur semula dengan memasukkan elemen Takaful Pendidikan selaras kepentingan pendidikan dan perlindungan masa kini. Program ini memberi penekanan mengenai takaful perlindungan sebagai persediaan simpanan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi pada masa depan.

Dalam bidang keusahawanan, Yayasan JCorp menganjurkan program Kelas Rancangan Usahawan (KRU). Bermula 2020, penyampaian KRU dipertingkatkan

kepada Program Sustainable School dalam pelaksanaan kelas tersebut. Ia meliputi penambahbaikan dari segi kualiti, jenama dan jualan produk untuk tujuan dikembangkan ke peringkat lebih tinggi. Yayasan JCorp turut melaksanakan Program Latihan Industri & Kemahiran. Kursus jangka pendek ini adalah program keempat untuk bidang fokus pendidikan.

Ia dilaksanakan sejak tahun 2020 bersama rakan strategik yang bergabung di bawah Jawatankuasa Perhubungan Industri dan Institusi Kemahiran. Jawatankuasa ini merangkumi Yayasan JCorp bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran;

Unit Strategik Modal Insan Johor; Tabung Pembangunan Sumber Manusia; Persekutuan Majikan Malaysia, MARA serta FAMA.



Pelajar sedang mengikuti Program Latihan Industri dalam tempoh 3-6 bulan

SENI, BUDAYA & WARISAN

Matlamat pembangunan dan kemajuan adalah untuk melahirkan warganegara yang memiliki jati diri dengan mempertahankan serta berpegang teguh kepada seni, budaya dan warisan. Tulisan Jawi adalah sebahagian daripada identiti Bangsa Melayu. Pelbagai faktor yang muncul semasa arus zaman turut menghakis penulisan Jawi dalam diri, komuniti serta kehidupan Bangsa Melayu.

Justeru, Yayasan JCorp melihat ada keperluan untuk menyemarakkan semula penulisan dan penguasaan Jawi dalam masyarakat khususnya generasi muda.

Program ini merupakan penambahbaikan dan inovasi yang dijayakan dengan kerjasama rakan strategik iaitu JPNJ, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, persatuan khat serta NGO dan penggiat tulisan Jawi.

Yayasan JCorp turut melihat keperluan menyuburkan budaya membaca dalam masyarakat. Untuk itu, Yayasan JCorp

menerima lantikan sebagai rakan strategik tempatan kepada The Asia Foundation (TAF) bermula 2019. Pelantikan itu bagi menjayakan Program Galakan Membaca & Memperkasa Bahasa Inggeris di Semenanjung Malaysia.

Program ini tidak terhad kepada pengedaran bahan bacaan, malah turut meliputi penganjuran kuiz menerusi aplikasi dalam talian. Pencapaian yang direkodkan adalah Malaysia menduduki kedudukan ke-3 tertinggi daripada 5 negara Asia yang menggunakan aplikasi 'Let's Read!' TAF.



● YAYASAN JCORP MELIHAT ADA KEPERLUAN UNTUK MENYEMARAKKAN SEMULA PENULISAN DAN PENGUASAAN JAWI DALAM MASYARAKAT KHUSUSNYA GENERASI MUDA. ●



"Program Seni, Budaya dan Warisan menggalakkan kreativiti dan mencungkil bakat anak-anak muda untuk bebas berkarya"

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Sepanjang 2021 program yang melibatkan bidang fokus Kesejahteraan Komuniti adalah antara paling giat dilaksanakan berikutan masyarakat terjejas akibat pandemik COVID-19 serta bencana banjir.

Kesejahteraan Komuniti adalah bidang fokus baharu Yayasan JCorp bagi melaksanakan program yang selaras dengan Agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Program ini dibahagikan kepada

empat kategori bantuan iaitu kebajikan, bencana, kesihatan serta pendidikan.

Inisiatif seterusnya melibatkan pendidikan iaitu bantuan yuran persediaan memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) sementara menunggu pinjaman atau biasiswa yang ditawarkan. Bantuan sekali bayar itu khusus untuk membantu meringankan beban kewangan ibu bapa golongan B40.

Yayasan JCorp juga turut mendapat sokongan daripada kerajaan negeri bagi membantu golongan pelajar, mahasiswa, anak yatim, orang kurang upaya dan warga

emas melalui Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 akibat pandemik COVID-19.



Yayasan JCorp mengagihkan baucar KFC kepada pelajar melalui program PRE Ihsan Johor 3.0



Kanak-kanak pesakit kanser menerima komputer riba melalui program Everywhere Classroom dengan kerjasama Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor



Bantuan Pendidikan Yayasan JCorp telah membantu meringankan beban pelajar golongan B40

ALAM SEKITAR

Satu lagi inisiatif baharu yang dilaksanakan Yayasan JCorp adalah Program Alam Sekitar. Ia turut bertujuan menyokong Agenda ESG JCorp menerusi kerjasama dan penglibatan yang digembeng dalam JCorp dan Syarikat Kumpulan.

Program ini melibatkan empat teras iaitu Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar dan Sungai; Tanaman Pokok; Program Kitar Semula; serta Penjimatan Tenaga.



PERBELANJAAN 2021

Yayasan JCorp memperuntukan RM5.4 juta bagi melaksanakan pelbagai inisiatif utama di bawah empat bidang fokus utama iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar; serta Kesejahteraan Komuniti sepanjang 2021.

Bagi tempoh sama, Yayasan JCorp menerima sumbangan JCorp dan Syarikat Kumpulan berjumlah RM4.2 juta manakala RM1.2 juta lagi sumbangan dari luar.

PERBELANJAAN 2021 (RM Juta)**SEKALUNG BUDI**

Yayasan JCorp merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang, membantu dan menyokong pelaksanaan program, projek mahupun aktiviti sepanjang 2021. Penglibatan anda menerusi apa jua cara memberi erti yang amat besar kepada setiap individu yang menyertainya. Ia pasti meninggalkan kesan, pengalaman serta kenangan pada diri setiap peserta untuk dikongsikan kisahnya kepada orang lain.

Terima kasih kepada JCorp dan Syarikat Kumpulan yang menyumbang termasuk Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Johor Land Berhad.

Yayasan JCorp turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada rakan-rakan strategik iaitu Kerajaan Negeri Johor, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Waqaf An-Nur Corporation Berhad, Global Sadaqah, Petronas, Deloitte Malaysia dan The Asia Foundation.

Kami juga tidak lupa kepada rakan-rakan media – akhbar cetak dan dalam talian, stesen televisyen dan radio serta portal yang menyokong Yayasan JCorp menerusi liputan berita, promosi dan hebahan yang diberikan.

BERGERAK KE HADAPAN

Yayasan JCorp meneruskan langkah ke hadapan membawa bersama inisiatif untuk menjadi institusi terkemuka menyediakan platform bagi meningkatkan kualiti hidup dan sosioekonomi segenap lapisan masyarakat.

Yayasan JCorp ini membawa misi untuk menjadi barisan hadapan dalam menjayakan Agenda ESG JCorp serta Syarikat Kumpulan, melakukan inisiatif penerapan pendigitalan ke arah keupayaan yang efisien, menjayakan program berkualiti serta berimpak tinggi, serta memperluaskan jaringan melalui kerjasama strategik dengan pihak luar.

Empat elemen dalam misi baharu Yayasan JCorp ini perlu dilaksanakan menerusi Perancangan Strategik Yayasan JCorp 2022-2026. Kemuncak matlamat dan misi unggul pelan ini adalah pelaksanaan program yang mampu memperkasa modal insan berwibawa, berkemahiran serta keupayaan menguasai bidang tertentu dalam keusahawanan, pengurusan kewangan, jati diri, budaya warisan, penjagaan alam sekitar serta kesejahteraan komuniti.

Insyaa-Allah.

NOOR RUZILAWATI BINTI RUDDIN
Pengurus Besar



Pengagihan buku 'Books For Asia' kepada sekolah menerusi Jabatan Pendidikan Negeri Johor

PERJALANAN YAYASAN JOHOR CORPORATION

9

YAYASAN
JCORP

1997

Yayasan Perbadanan
Johor telah diperbadankan
di bawah Akta Syarikat 1965
sebagai sebuah Syarikat
Berhad Menurut Jaminan
(9 Jun 1997)

1999

Memperoleh kelulusan Pelepasan Cukai oleh LHDN
(Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967)
(15 Ogos 1997)

- Bidang kuasa dalam menyediakan kemudahan daripada segi latihan dan program kepada para usahawan termasuk para pelajar di dalam bidang pengurusan dan kewangan
- Program : Projek Tuisyen, Sumbangan & Bantuan

2018

Pindaan & Tambahan
Objektif Penubuhan
dalam Perlembagaan
Yayasan JCorp

2016

Penstrukturan Semula Yayasan JCorp:

- Kelas Rancangan Usahawan
- Pendidikan Celik Kewangan Pro Du-IT
- Semarak Jawi
- Galakan Membaca (Books for Asia)

2006

Menukar nama
kepada
Yayasan Johor Corporation
(11 Disember 2006)

2020

3 Bidang Fokus Utama:

- Pendidikan
- Ekonomi Kreatif
- Alam Sekitar

2021

Peranan Yayasan JCorp sebagai pelaksana
CSR JCorp dan syarikat kumpulan dengan
penerapan elemen ESG

4 Bidang Utama:

- Pendidikan
- Seni, Budaya dan Warisan
- Alam Sekitar
- Kesejahteraan Komuniti

PENCAPAIAN YAYASAN JOHOR CORPORATION 2021

RM 1.4 JUTA

- PRE IHSAN 3.0
KFC Baucar kepada
pelajar yang terjejas



RM 270 RIBU

- Projek Bank Makanan
- Sumbangan untuk pelajar
yang terjejas akibat Covid19



RM 100 RIBU

- Projek tuisyen untuk anak-anak
asnaf & B40
- Sumbangan laptop - 20 unit



RM 170 RIBU

- Projek tuisyen untuk anak-anak
asnaf & B40
- Bijak Kewangan & Takaful
Perlindungan
- Sustainable School



RM 100 RIBU

- Projek tuisyen untuk anak-anak
asnaf & B40
- Bijak Kewangan & Takaful
Perlindungan



5 STESEN PETROL

- Tempat dan sokongan
dalam mengurus Projek Bank
Makanan Yayasan JCorp



SUKARELAWAN

- Sukarelawan untuk mengajar
dalam program KidsEdu
- Sumbangan Tablet - 10 unit



11 DAERAH

- Fasilitator dan mentor program
- Bijak Kewangan & Takaful
Pendidikan



PELATIH KEMAHIRAN DIGITAL

- Program kemahiran dan
pendigitalan
- Program Ekonomi GIG



Penyertaan melalui Program Pendidikan pada tahun 2021



12,525

Bilangan Pelajar, Guru, Felo, Ketua Pengurusan Sekolah, KPM/JPN, Ibu Bapa dan Komuniti dalam menyokong pendidikan dan latihan berkualiti.



438

Bilangan Sekolah yang menjalankan pelbagai program merentas kurikulum untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang terbaik.



42

Bilangan Program yang dijayakan dengan kerjasama NGO, Ibu Bapa, Komuniti, Belia dan Pelajar.



227,931

Bilangan Peserta yang menyertai program secara Webinar/Live, Kuiz JCorp English Challenge & Semarak Jawi.



③

②

①

④

⑤

⑥

1 ROZAINI MOHD SANI

Pengerusi
Yayasan Johor Corporation

2 DATO' HAJI YAHYA AHMAD

Mufti Negeri Johor
Jabatan Agama Islam Johor

3 HAJI AZMAN ADNAN

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

4 HAJI BUKHARI ABD RAHMAN

Ketua Eksekutif
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

5 NOOR RUZILAWATI RUDDIN

Pengurus Besar
Yayasan Johor Corporation

6 NUR IZZATI AZMAN

Setiausaha

ANGGOTA PEKERJA YAYASAN JOHOR CORPORATION

13

1 NOOR RUZILAWATI RUDDIN
Pengurus Besar

2 MUHAMMAD MUNIR MAZLAN
Unit Kemahiran & Digital

3 MOHAMAD NASIR HASSAN
Unit Kemahiran & Digital

4 SHAHRAZALI SAHLAN
Unit Alam Sekitar;
Kesejahteraan Komuniti

**5 MUHAMAD SHARIF
MOHD ABDUL LATIF**
Unit Alam Sekitar;
Kesejahteraan Komuniti

6 MAZIANA MOHD RASUL
Unit Alam Sekitar;
Kesejahteraan Komuniti



7 ABDUL GHANI HARON
Unit Kewangan

8 ATIQALLAH ZAINUDDIN
Unit Kewangan, Strategi
dan Pentadbiran

9 ZULAIKHA FARHANAH ZULKIFLI
Unit Kewangan dan
Perancangan Strategi

10 MISIDAH MOHAMAD IHSAN
Unit Pentadbiran

11 RUZIANA HUSSIN
Unit Komunikasi Korporat

12 ROSITA MD ALI
Unit Komunikasi Korporat

13 NORA ISMAIL
Promosi dan Jenama,
Unit Komunikasi Korporat



14 INTAN NADHIRAH ABD RAGIS
Unit Pendidikan

15 MOHAMMAD SYAFIQ MISKON
Unit Seni, Budaya dan Warisan

**16 SHARIFAH HASYIMAH SYED
MOHD NAZAR**
Unit Pendidikan

17 NORASHIKIN KHAMSAANI
Unit Pendidikan;
Seni, Budaya dan Warisan



**Nama Syarikat:**

Yayasan Johor Corporation
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan
Diperbadankan di Malaysia)

Tempat dan Tarikh Penubuhan:

Malaysia, 9 Jun 1997

No. Pendaftaran Syarikat:

199701018871 (434368-M)

Alamat Berdaftar & Operasi:**Alamat Berdaftar**

Tingkat 14, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru

Alamat Operasi

Tingkat 18, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru

Juruaudit Syarikat:

Azman, Wong, Salleh & Co.
Suite 2 & 3, Tingkat 20,
Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru

Aktiviti Syarikat:

Kegiatan utama Yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, pendidikan, pembangunan usahawan dan latihan teknikal.



PENDIDIKAN

Memperkasa kualiti hidup
melalui pendidikan





SEHINGGA 2021, SERAMAI 8,690 MURID DARIPADA 74 SEKOLAH MERAH MANFAAT DARI TUISYEN TERSEBUT. 9

1. Projek Tuisyen Yayasan JCorp

Program pendidikan ini dilaksanakan sejak 2012 dan dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Johor. Ia dikhususkan kepada murid sekolah rendah dengan matlamat memberi peluang kepada murid yang tidak berkemampuan mendapatkan pendidikan tambahan formal di sekolah. Projek tuisyen itu dianjurkan selepas sesi persekolahan dengan melibatkan mata pelajaran teras - Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Sehingga 2021, seramai 8,690 murid daripada 74 sekolah meraih manfaat dari tuisyen tersebut.

Pembangunan Modul Bahasa Inggeris

Pelaksanaan modul Bahasa Inggeris adalah menggunakan modul **'Strive For Success'** yang dibangunkan oleh Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri



Johor selaras dengan Penilaian Pentaksiran Bilik Darjah yang menjadi kayu ukur pendidikan masa kini. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan pencapaian dan kemahiran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid. Aktiviti dijayakan melalui dua pendekatan iaitu secara atas talian dan fizikal dengan penglibatan dan sokongan guru pembimbing yang dilantik di sekolah masing-masing.



Projek Tuisyen Yayasan JCorp

Tahun Mula
2012

8,390

PELAJAR
SEKOLAH
RENDAH

64

SEKOLAH

300

PELAJAR
SEKOLAH
MENENGAH

10

SEKOLAH

6 GLOBAL SADAQAH TELAH BERJAYA MENGUMPULKAN DANA SEBANYAK RM100,000 DARIPADA SUMBANGAN ORANG RAMAI. DANA ITU TELAH DIGUNAKAN BAGI TUJUAN AKTIVITI PROJEK TUISYEN YAYASAN JCORP MELALUI MODUL LATIHAN SERTA SUMBANGAN 20 UNIT KOMPUTER RIBA KEPADA PELAJAR TERPILIH. 9



Peluasan Sekolah Menengah

Program tuisyen ini juga turut diperluaskan kepada pelajar sekolah menengah yang mengambil Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) melalui kerjasama Unit TVET, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Ia melibatkan 300 pelajar daripada 10 sekolah terpilih di Johor, khususnya pelajar Tingkatan 5 yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Matapelajaran yang disediakan adalah Perakaunan, Perniagaan dan Ekonomi.

Program Tuisyen Deloitte KidsEdu

Program Tuisyen Deloitte KidsEdu telah dilaksanakan dengan kerjasama Deloitte Malaysia untuk anak-anak anggota pekerja JCorp dan Syarikat Kumpulan bagi pekerja berpendapatan rendah.

Program ini merupakan program berbentuk tuisyen Bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh sukarelawan Deloitte.

Seramai 60 orang peserta telah mengikuti program ini. Antara Syarikat Kumpulan yang terlibat adalah Kulim (M) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, TLP Terminal Sdn Bhd, Damansara Assets Sdn Bhd dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad. Program dijalankan secara online melalui platform Zoom pada setiap 2 minggu sekali selama

1 jam. Tenaga pengajar yang terdiri daripada sukarelawan Deloitte turut memantau kehadiran dan prestasi peserta.

Bantuan Komputer Riba

Yayasan JCorp menyedari keperluan kritikal untuk meningkatkan akses pendidikan digital terutamanya kepada pelajar yang berada di lokasi luar bandar. Objektif bantuan ini adalah untuk meringankan beban pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah bagi membiasakan diri dengan pendidikan norma baharu untuk pembelajaran secara atas talian (PDPR).

Justeru, Yayasan JCorp melalui platform kewangan tempatan Global Sadaqah telah berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM100,000 daripada sumbangan orang ramai. Dana itu telah digunakan bagi tujuan aktiviti Projek Tuisyen Yayasan JCorp melalui modul latihan serta sumbangan 20 unit komputer riba kepada pelajar terpilih.

Pelajar dipilih oleh pihak sekolah masing-masing berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan termasuk kecemerlangan prestasi pelajaran.

Sebagai tanda penghargaan kepada semua penyumbang, diharapkan sumbangan ini dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pelajar dan terus beriltizam belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan yang membanggakan.





2. Program Celik Kewangan Pro Du-It

Program Celik Kewangan Pro Du-It merupakan program untuk mewujudkan generasi 'celik kewangan' yang mahir dalam pengurusan kewangan yang berkesan dan sistematik.

Untuk tahun 2021, seramai 1,600 murid dan 120 guru dari 60 sekolah di Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlibat dengan program tersebut.

Dari sudut ESG, program ini melahirkan generasi mahir dan bijak dalam pengurusan kewangan yang menerapkan nilai-nilai murni secara sistematik dan berkesan. Ini kerana enam modul keseluruhan program ini menjurus kepada ilmu celik kewangan, keusahawanan, teknologi dan tanggungjawab sosial khusus untuk kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun.

Program Pro Du-It dibangunkan dengan kerjasama Universiti Malaya pada 2017 atas keprihatinan dan kesedaran berkaitan isu kelemahan pengurusan kewangan di kalangan remaja serta belia. Ia menekankan pengurusan kemahiran kewangan sistematik dan melatih peserta untuk menabung serta mengatur pengurusan kewangan yang baik.

Buku Log

Sepanjang program berlangsung, para peserta diberikan sebuah buku log catatan harian untuk tujuan merekod kegunaan wang keluar dan masuk mereka. Di sini, mereka diberikan pendedahan berkaitan 3 konsep pengurusan kewangan iaitu Tabung Simpan, Tabung Belanja dan Tabung Kongsi. Seterusnya, para pelajar digalakkan untuk membuka akaun simpanan bagi merekodkan jumlah simpanan mereka.



Pro Du-It & Takaful Pendidikan

Tahun Mula
2018

15,558
PELAJAR

60
SEKOLAH

🔗 DARI SUDUT ESG, PROGRAM INI MELAHIRKAN GENERASI MAHIR DAN BIJAK DALAM PENGURUSAN KEWANGAN YANG MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI SECARA SISTEMATIK DAN BERKESAN. 🔗



*gambar sebelum pandemik



*gambar sebelum pandemik

Program Bijak Wang Dan Takaful Pendidikan

Yayasan JCorp dalam memperkasakan agenda pendidikannya telah memperkenalkan program Bijak Wang dan Takaful Pendidikan dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Program ini merupakan program transformasi Celik Kewangan Pro Du-It yang dijayakan sebelum ini.

Melalui kerjasama ini, PTPTN telah menyenaraikan pegawai-pegawai cawangan mereka di seluruh negeri Johor untuk menjadi pemudahcara kepada murid-murid di setiap daerah berkaitan.

Inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada murid yang kurang berkemampuan untuk mempelajari aspek pengurusan kewangan yang berkesan di samping menikmati pelan Takaful Perlindungan sebagai persediaan simpanan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti kelak.

Pada tahun 2021, sebanyak 40 sekolah dengan seramai 1,200 murid di negeri Johor telah mengikuti program ini. Sepanjang pelaksanaan, jumlah simpanan terkumpul oleh keseluruhan peserta adalah berjumlah RM135,875.00 dengan purata simpanan melebihi RM100 setiap orang.

3. Kelas Rancangan Usahawan – Sustainable School

Bermula 2020, Program Sustainable School diperkenalkan sebagai penambahbaikan Program Kelas Rancangan Usahawan (KRU). Program KRU dijenamakan semula pada 2016 daripada Program BISTARI - program keusahawanan kepada pelajar sekolah menengah di Johor.

Program Sustainable School

Penghasilan produk yang berkualiti sehingga menjadi komersil merupakan antara agenda Yayasan JCorp melalui program Sustainable School di sekolah-sekolah terpilih. Program Sustainable School melibatkan penambahbaikan daripada aspek kualiti, jenama dan pemasaran produk.



*gambar sebelum pandemik

Faktor pemilihan utama program ini adalah penghasilan produk berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat pasaran lebih tinggi dan meluas. Ini sekali gus boleh memasyurkan jenama produk tersebut.


Matlamat utama rancangan ini adalah untuk memupuk dan menyemai nilai-nilai keusahawanan khususnya dalam kalangan para pelajar di samping mewujudkan ekosistem sekolah yang mampan dan mampu berdikari.

Sebagai permulaan, tiga buah sekolah telah dikenalpasti sebagai sekolah perintis iaitu SMK Dato' Penggawa Barat Pontian, SMK Bandar Penawar Kota Tinggi dan SMK Dato' Abdul Rahman Yassin Johor Bahru. Usaha-usaha ini akan diteruskan bagi mengenalpasti lebih banyak sekolah untuk terlibat.

Bagi tahun ini, beberapa perancangan awal telah dijalankan seperti mengadakan lawatan ke sekolah terpilih, lawatan ke pusat memproses makanan FAMA serta perbincangan bersama Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua serta guru pembimbing.



*gambar sebelum pandemik



6 MATLAMAT UTAMA RANCANGAN INI ADALAH UNTUK MEMUPUK DAN MENYEMAI NILAI-NILAI KEUSAHAWANAN KHUSUSNYA DALAM KALANGAN PARA PELAJAR DI SAMPING MEWUJUDKAN EKOSISTEM SEKOLAH YANG MAMPAN DAN MAMPU BERDIKARI. 9

Rakan Strategik

Inisiatif ini mendapat sokongan daripada FAMA melalui Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) bagi memberi bimbingan seterusnya membantu dalam aspek pemprosesan dan pemasaran produk.

Seiring dengan penambahbaikan yang dilakukan, program ini berjaya menarik penglibatan rakan strategik lain seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), MARA, Kolej Komuniti dan GIATMARA yang bertindak sebagai pembimbing, penasihat serta pemudah cara.



4. Program Latihan Industri dan Kemahiran

Program Latihan Industri

Di bawah bidang fokus Kemahiran & Teknologi, Yayasan JCorp turut menawarkan program berbentuk Latihan Industri & Kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

Program ini telah dijayakan pada tahun 2020 bagi memberi peluang pelajar mengenali ilmu dunia pekerjaan sebenar sekali gus menimba pengalaman serta pengetahuan baharu dalam mempertingkatkan kebolehpasaran diri masing-masing.

Sepanjang mengikuti program yang bertempoh antara 3 hingga 6 bulan ini mereka memperoleh pelbagai nilai tambah. Antaranya, diberikan Kursus Pembangunan Diri secara atas talian meliputi bidang kemahiran komunikasi, peningkatan *soft skill*, motivasi, serta ilmu-ilmu berkaitan teknik temuduga dan kerjaya.

Selain itu, para peserta juga diberi sijil khas penyertaan yang disediakan oleh pihak Yayasan JCorp sebagai tambahan kepada sijil kemahiran mereka. Ini menjadikan mereka lebih bernilai dan diterima di pasaran pekerjaan.

Berdasarkan maklumbalas, seramai 19 pelajar telah berjaya mendapat pekerjaan manakala seramai 76 pelajar telah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dijangkakan pada tahun ini seramai 100 pelajar akan menyertai program ini. Antara bidang latihan yang ditawarkan ialah Penyelenggaraan Pendingin Hawa, Penyediaan & Pembuatan Makanan, Penjagaan Tanaman, Kejuruteraan, dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.

Yayasan JCorp turut merancang untuk menambah bidang lain seperti Perhotelan & Hospitaliti, Teknologi Maklumat dan Digital selaras dengan permintaan industri semasa.



6 BERDASARKAN MAKLUMBALAS, SERAMAI 19 PELAJAR TELAH BERJAYA MENDAPAT PEKERJAAN MANAKALA SERAMAI 76 PELAJAR TELAH MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. 9



6 JAWATANKUASA PERHUBUNGAN INDUSTRI DAN INSTITUSI KEMAHIRAN BERPERANAN MEMANTAU PROGRAM INI. 9

Jawatankuasa Perhubungan Industri dan Institusi Kemahiran

Jawatankuasa Perhubungan Industri dan Institusi Kemahiran berperanan memantau program ini. Ia melibatkan wakil dari agensi kemahiran, syarikat majikan serta institusi kemahiran yang bertindak:

- Memantau dan menyelaras keperluan majikan & penempatan pelajar
- Mengawal kualiti, keperluan dan pematuan program
- Mengenal pasti antara keperluan industri dan institusi kemahiran
- Mengumpul data majikan dan pelajar khususnya di negeri Johor

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Tuan Hj Bukhari Abd Rahman, Ahli Pemegang Amanah Yayasan JCorp merangkap Ketua Eksekutif, Waqaf An-Nur Corporation Berhad.

Ahli Jawatankuasa adalah terdiri :

- A) Agensi kerajaan
- Johor Corporation
 - Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
 - Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI)
 - MARA
 - Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRDCorp)
 - Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)


B) Institusi Latihan

- Jabatan Pendidikan Negeri Johor (PVMA)
- Institut Latihan Perindustrian
- Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Kolej Komuniti Pasir Gudang
- Institut Kemahiran MARA (Giat MARA/IKM)
- Johor Skills Development Centre

C) Syarikat Majikan :

- Kulim (Malaysia) Berhad
- KPJ Healthcare Berhad
- QSR Brands (M) Holdings Bhd
- Johor Land Berhad
- Damansara Assets Sdn Bhd
- Syarikat Pengangkutan MAJU Bhd
- TPM Technopark Sdn Bhd
- TLP Terminal Sdn Bhd
- Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd
- Kulim Nursery Sdn Bhd, dan
- Kulim Pineapple Farm

Selain ahli Jawatankuasa di atas, pihak Yayasan JCorp juga turut menjemput wakil-wakil peringkat persekutuan dan negeri untuk membentangkan peranan dan program-program kemahiran yang mereka jayakan.



Program Latihan Industri dan Kemahiran

Tahun Mula
2020

95
PELAJAR

11
SYARIKAT
MAJIKAN

Kursus Kemahiran - Go Digital Asean

Yayasan JCorp bekerjasama dengan program Go Digital ASEAN untuk membantu golongan belia di Malaysia membina kemahiran digital dan keyakinan diri untuk mengaplikasikan kemahiran digital.

Ini adalah peluang kepada mereka untuk melibatkan diri, menyumbang kepada masyarakat dan seterusnya mengisi masa dan kemahiran untuk membantu keluarga, rakan-rakan dan ahli komuniti menjadi lebih celik digital.

Antara tahap bidang pelajaran yang ditawarkan melalui program Go Digital ASEAN adalah:

1. Pencari Pekerjaan
Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital untuk mencipta permohonan kerja yang lebih baik, dan mempelajari beberapa kemahiran untuk memperbaiki resume dalam mencari peluang pekerjaan.
2. Usahawan
Menggunakan carian dan pemahaman yang kukuh tentang cara menggunakan teknologi digital untuk mengembangkan pangkalan pelanggan anda dan mencapai objektif perniagaan.

3. Pengembangan Perniagaan
Mempelajari asas membina usaha niaga dan membangunkan strategi media sosial adalah permulaan yang baik untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Seramai 1,396 peserta telah mengikuti program ini dan seramai 34 orang Jurulatih Komuniti telah diwujudkan melalui program ini.

Sebagai jurulatih komuniti, mereka akan mengendalikan sesi pelajaran celik digital Go Digital ASEAN secara dalam talian kepada orang ramai.

Program kemahiran ini seterusnya akan diperluaskan selari dengan keperluan Industri Revolusi 4.0 (IR4.0) meliputi bidang program seperti Pengaturcaraan Komputer, data saintifik, kandungan kreatif dan keusahawanan digital.

6 ...INDUSTRI REVOLUSI
4.0 (IR4.0) MELIPUTI
BIDANG PROGRAM
SEPERTI PENGATURCARAAN
KOMPUTER, DATA SAINTIFIK,
KANDUNGAN KREATIF
DAN KEUSAHAWANAN
DIGITAL. 9



SENI, BUDAYA DAN WARISAN

Memperkasa kualiti hidup
melalui seni, budaya dan warisan





❦ FALSAFAH SEBUAH BUKU BERKAIT RAPAT DENGAN PEMBENTUKAN JATI DIRI PEMBACA. ❧

**gambar sebelum pandemik*

1. Program Galakan Membaca

Falsafah sebuah buku berkait rapat dengan pembentukan jati diri pembaca. Buku turut melahirkan generasi yang mencintai, mengagumi dan sanggup mempertahankan seni, budaya dan warisan bangsa selain memiliki daya menguasai sesuatu bahasa termasuk Bahasa Inggeris.



**gambar sebelum pandemik*

Matlamat utama program Galakan Membaca melalui "Books For Asia" ini adalah untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris melalui pembacaan buku dan pembelajaran untuk semua peringkat umur. Program "Books for Asia" adalah seiringan dengan aspirasi masyarakat Asia yang ingin meningkatkan kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris. Sememangnya penguasaan Bahasa Inggeris amat penting dalam meningkatkan daya saing masyarakat dalam konteks ekonomi global yang semakin mencabar.

Justeru, Yayasan JCorp telah dilantik sebagai rakan strategik tempatan kepada The Asia Foundation (TAF) pada 2019 bagi menjayakan Program Galakan Membaca dan Memperkasa Bahasa Inggeris di Semenanjung Malaysia.

Menerusi kerjasama ini, sejumlah 36,105 buku ilmiah Bahasa Inggeris telah diagihkan kepada 345 buah sekolah, 58 perpustakaan serta 8 sudut bacaan di KPJ Healthcare Berhad terpilih di Semenanjung Malaysia.

● KADAR PENGGUNAAN APLIKASI *LET'S READ!* DI MALAYSIA PULA TELAH MELETAKKAN NEGARA INI DI KEDUDUKAN KETIGA PALING RAMAI PENGGUNANYA DALAM KALANGAN NEGARA ASIA. ●

Sepanjang 2021, program ini telah diperluas melalui platform digital secara atas talian melalui :

Aplikasi *Let's Read!*

Peserta boleh memuat turun aplikasi *Let's Read!* dari The Asia Foundation yang boleh didapati di Google Store bagi mendapatkan buku bacaan secara digital. Kadar penggunaan aplikasi *Let's Read!* di Malaysia pula telah meletakkan negara ini di kedudukan ketiga paling ramai penggunaanya dalam kalangan negara Asia.



Let's Read Program

Tahun Mula
2018

37,868
PELAJAR

300
SEKOLAH



*gambar sebelum pandemik

JCorp English Challenge

Pelaksanaan program ini tidak terhad kepada bahan bacaan yang diedarkan semata-mata, malah Yayasan JCorp turut menganjurkan JCorp English Challenge Quiz dan JCorp English Challenge Live iaitu pertandingan berbentuk kuiz yang boleh dimuat naik melalui aplikasi dan laman Facebook Yayasan JCorp bagi menyemarakkan lagi program "*Books For Asia*" ini. Setakat ini, seramai 23,412 peserta telah mengambil bahagian manakala 450,137 orang telah melayari dan mendapatkan maklumat kuiz ini.

English Corner

Perkongsian ilmiah dalam bentuk penggunaan Bahasa Inggeris seperti penggunaan tatabahasa, peribahasa, sinonim dan sebagainya yang dikongsikan secara santai melalui platform media sosial Yayasan JCorp iaitu Facebook dan Instagram secara mingguan.

Info maklumat yang disiarkan berupa poster, video pendek atau grafik yang kreatif dan dinamik bagi menarik orang ramai di segenap peringkat lapisan umur.



*gambar sebelum pandemik

2. Semarak Jawi

Program Semarak Jawi dijenamakan semula pada tahun 2020 dengan pendekatan yang lebih menarik khususnya untuk menarik penglibatan golongan pelajar dan belia. Program telah ditambah baik dengan elemen inovasi melalui kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Persatuan Khat serta badan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat dalam seni khat dan Jawi.

Bagi tahun 2021, sebanyak 11 sekolah menengah terlibat dengan program Keusahawanan Jawi yang memasarkan produk kreatif berasaskan tulisan Jawi kepada pasaran terbuka.

❶ BAGI TAHUN 2021, SEBANYAK 11 SEKOLAH MENENGAH TERLIBAT DENGAN PROGRAM KEUSAHAWANAN JAWI YANG MEMASARKAN PRODUK KREATIF BERASASKAN TULISAN JAWI KEPADA PASARAN TERBUKA. ❶

Manakala sekolah rendah pula terlibat dengan program asas pengenalan dan bacaan Jawi menerusi Kem Semarak Jawi yang melibatkan 430 orang murid dari 30 sekolah menyertai program ini.

Dalam usaha menyuburkan kecintaan terhadap tulisan Jawi, pertandingan secara talian dianjurkan dan terbuka kepada orang ramai menerusi laman Facebook Yayasan JCorp. Antara program yang dianjurkan adalah :-

Pertandingan Komik Jawi

Objektif pertandingan ini adalah untuk mengasah pemikiran kritis dan kreatif peserta dalam menterjemah penceritaan kepada dialog jawi di samping menguji penguasaan ejaan jawi peserta.

Pertandingan terbuka kepada semua peringkat umur. Untuk memenangi pertandingan, peserta perlu muat naik karya komik mereka melalui platform media sosial Facebook dan mendapatkan undian *like*. Kemudian karya mereka akan dinilai oleh juri jurulatih utama. Pemenang ditentukan berdasarkan markah peratusan ejaan dan kreativiti mengikut tema.



Semarak Jawi

**Tahun Mula
2019**

16,592
PELAJAR

11
SEKOLAH



*gambar sebelum pandemik



*gambar sebelum pandemik

6 OBJEKTIF KUIZ LIVE SEMARAK JAWI ADALAH UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN PENGETAHUAN TENTANG SEJARAH TULISAN JAWI MELALUI TRIVIA JAWI DAN BERSAING SECARA SIHAT DALAM MENGUJI PENGETAHUAN. 9

Kuiz Live Semarak Jawi

Objektif Kuiz Live Semarak Jawi adalah untuk memberi pendedahan pengetahuan tentang sejarah tulisan Jawi melalui trivia jawi dan bersaing secara sihat dalam menguji pengetahuan.

Kuiz ini terbuka kepada semua peringkat umur. Peserta dikehendaki memberikan jawapan yang tepat dan pantas ketika siaran langsung soalan Kuiz Live Jawi sedang dibuat.

Bagi tahun 2021, seramai 7,724 orang menyertai kuiz yang dianjurkan secara bulanan. Manakala 814,814 orang telah melayari dan mendapat maklumat kuiz tersebut di laman Facebook Yayasan JCorp.

Trivia Jawi

Trivia Jawi merupakan perkongsian ilmiah berkaitan asal usul, tokoh, peluasan dan memartabat tulisan jawi melalui platform media sosial Yayasan JCorp iaitu Facebook dan Instagram secara mingguan.

Info maklumat yang disiarkan berupa poster, video pendek atau grafik yang kreatif dan dinamik bagi menarik orang ramai di segenap peringkat lapisan umur.



*gambar sebelum pandemik



*gambar sebelum pandemik



3. Seni Kandungan Kreatif

Program ini merupakan satu usaha menyemarakkan dan menghargai kesenian dan warisan melalui bakat dan kreativiti terutamanya dalam kalangan pelajar dan belia. Antara aktiviti yang dijayakan adalah :

Pertandingan Mencipta Video Pendek

Tujuan pertandingan ini adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada masyarakat terutamanya golongan belia untuk berkarya dan mengasah bakat dalam penghasilan video pendek.

Aktiviti ini adalah selari dengan aspirasi dan usaha kerajaan masa kini dalam membentuk dan membina modal insan generasi muda di negara ini. Aktiviti sebegini juga dapat menggalakkan kreativiti dan mencungkil bakat anak-anak muda untuk bebas berkarya dan pada masa yang sama berkongsi mesej positif dan nilai-nilai murni tersebut kepada masyarakat awam.

Sambutan bagi siri pertama yang dilaksanakan pada penghujung 2021 amat menggalakkan. Seramai 163 orang peserta telah menyertai dan menghantar hasil karya mereka dalam tempoh pertandingan yang ditetapkan. Penyertaan yang diterima juga bukan sahaja daripada Semenanjung malahan turut meliputi negeri Sabah dan Sarawak.

Pertandingan ini menyasarkan penyertaan warganegara Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas. Kemuncak Pertandingan Akhir melibatkan pemenang-pemenang video bagi siri pertama hingga ke-5 dijangka akan dianjurkan pada suku ketiga 2022 akan datang.


● **AKTIVITI INI ADALAH SELARI DENGAN ASPIRASI DAN USAHA KERAJAAN MASA KINI DALAM MEMBENTUK DAN MEMBINA MODAL INSAN GENERASI MUDA DI NEGARA INI. 9**



Pertandingan Video Pendek : Sayangi Bumi Kita

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Memperkasa kualiti hidup
melalui kesejahteraan komuniti





KESEMUA AKTIVITI KESEJAHTERAAN KOMUNITI INI ADALAH INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL JCORP DAN SYARIKAT DALAM KUMPULAN. 9

Program dalam bidang ini melibatkan beberapa aktiviti yang bertumpukan sumbangan kepada petugas barisan hadapan mahupun kelompok komuniti yang terjejas kesan pandemik COVID-19.

Kesemua aktiviti Kesejahteraan Komuniti ini adalah inisiatif tanggungjawab sosial JCorp dan Syarikat Dalam Kumpulan iaitu seperti Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, Johor Land Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, Waqaf An-Nur Corporation Berhad serta sumbangan daripada orang ramai.

Sepanjang 2021, Yayasan JCorp telah membelanjakan sejumlah RM3.83 juta yang memberi manfaat kepada 84,590 penerima.



Pecahan Sumbangan RM3.83 juta Yayasan JCorp



KEBAJIKAN
RM38.5
RIBU



KESIHATAN
RM170
RIBU



BENCANA
RM1.28
JUTA



PENDIDIKAN
RM231
RIBU



PROJEK KHAS
RM650
RIBU



PRE IHSAN
JOHOR 3.0
RM1.403
JUTA



Ibrahim Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp dan YBhg Kol. Dato' Mohamed Perang Haji Musa, Pengarah Eksekutif YKTLJ.

2. Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor

Yayasan JCorp telah menyumbang sejumlah RM170,000 kepada Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, dalam bentuk peralatan perubatan dan peralatan perlindungan peribadi (PPE). Simbolik penyerahan telah disampaikan kepada YBhg Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor oleh Encik Rozaini bin Mohd Sani, Pengerusi Yayasan JCorp pada satu majlis ringkas pada Jun 2021.

Antara sumbangan tersebut adalah:-

1. Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ)

Bagi memberi keceriaan dan motivasi kepada pejuang-pejuang kanser, Yayasan JCorp menyumbang 50 komputer riba kepada kanak-kanak kental itu yang bernilai RM90,000 melalui program *Everywhere Classroom*. Inisiatif ini membolehkan

kanak-kanak tersebut mengikuti sesi persekolahan secara atas talian walau di mana sahaja mereka berada semasa menjalani rawatan.

Sumbangan itu diserahkan kepada Permaisuri Johor DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah yang juga Pengerusi YKTLJ oleh Encik Rozaini Mohd Sani, Pengerusi Yayasan JCorp dan diiringi oleh YBhg Datuk Syed Mohamed Syed

6 BAGI MEMBERI KECEKILAN DAN MOTIVASI KEPADA PEJUANG-PEJUANG KANSER, YAYASAN JCORP MENYUMBANG 50 KOMPUTER RIBA KEPADA KANAK-KANAK KENTAL ITU YANG BERNILAI RM90,000... 9



3. Tabung Prihatin UTM

Pada masa sama, Yayasan JCorp menyokong program kemasyarakatan institusi pengajian tinggi (IPT) dengan menyumbang sejumlah RM150,000 bagi mengisi Tabung Prihatin, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dana itu digunakan untuk menyokong dan menjaga kebajikan pelajar dan staf yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Cek sumbangan tersebut telah disampaikan kepada YBhg Professor Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Naib Canselor UTM Skudai.

4. Dana Pendidikan Khas

Pendidikan Kanak-Kanak Istimewa menagih perhatian dan kelengkapan khusus. JCorp dan syarikat Kumpulan terpenggil untuk melunaskan CSR menerusi program khas membabitkan pembiayaan RM500,000 bagi tujuan tersebut.

Selain itu, lain-lain sumbangan adalah seperti sumbangan komputer oleh QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Deloitte Malaysia bagi tujuan menaik taraf Pusat Teknologi Maklumat. Kulim (Malaysia) Berhad pula untuk membantu membaiki rumah hidroponik dan fertigasi tumbuhan yang menjadi lapangan bagi sebahagian latihan sendiri pelajar.

5. Misi Bantuan Banjir

Yayasan JCorp telah menggerakkan misi bantuan banjir di daerah Johor Bahru, Pontian, Kota Tinggi dan Batu Pahat pada bulan Januari dan Februari 2021. Sejumlah RM50,000.00 telah diperuntukkan untuk membantu mangsa banjir ini dengan memberi bantuan kotak makanan dan baucar pembelian barangan di Econsave. Bantuan ini telah diserahkan kepada 229 keluarga (857 orang) melalui Penghulu atau Ketua Kampung masing-masing.



Seterusnya, Selangor telah mencatatkan banjir terburuk dalam sejarah yang berlaku pada 18 Disember 2021. Kemudian diikuti oleh negeri Johor iaitu di Segamat pada awal Januari 2022. Sejumlah RM538,000 telah disalurkan melibatkan seramai 1,096 mangsa banjir yang terdiri daripada anggota pekerja JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

Inisiatif sumbangan ini adalah atas dasar keprihatinan kita sebagai anggota pekerja dalam membantu sesama anggota pekerja melalui kempen #kitabantukita dalam menyalurkan bantuan dan sokongan.

Bantuan fasa pertama berupa bantuan wang tunai berjumlah RM500,000 melalui Yayasan JCorp, JCorp & Syarikat Dalam Kumpulan kepada 1,000 anggota pekerja telah disampaikan kepada wakil-wakil syarikat iaitu KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Johor Land Group Sdn Bhd.



❶ SUMBANGAN INI SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MEMBERIKAN SINAR DAN SEMANGAT BARU DEMI MEMBINA SEMULA KEHIDUPAN BAHARU MEREKA. ❷

Manakala Bantuan Pasca Bencana Banjir Fasa 2 adalah berbentuk barangan sumbangan keperluan. Antara bentuk barangan sumbangan adalah dapur gas mudah alih, periuk elektrik, cadar dan selimut, barangan dan pakaian bayi, tilam toto, pinggan mangkuk, pakaian dewasa dan kanak-kanak, barangan keperluan diri serta baucar barangan keperluan di Mydin bernilai RM50 seorang.

Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat memberikan sinar dan semangat baru demi membina semula kehidupan baharu mereka.

6. Bank Makanan & Kotak Makanan

Yayasan JCorp memperuntukkan RM600,000 bagi memberi manfaat kepada lebih 10,000 penerima dalam menyediakan lebih banyak akses kepada bekalan makanan asas untuk golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sumbangan ini diagihkan dengan tiga kaedah pelaksanaan iaitu menerusi agihan 500 kotak makanan asas seperti beras, tepung dan mi segera selama tiga bulan di beberapa penempatan komuniti kos rendah.

Yayasan JCorp turut menempatkan terminal Food Bank nya di beberapa lokasi tumpuan awam iaitu di Pasaraya @Mart Kempas, Pasar Awam Taman Dahlia serta Kiosk Melita, Kulim (Malaysia) Berhad.

Program Bank Makanan Yayasan JCorp diperluaskan lagi dengan kerjasama syarikat Petronas Dagangan Berhad di lima lokasi terpilih sekitar Johor Bahru dan Pasir Gudang.

Lokasi stesen tersebut adalah

- Stesen Petronas Bandar Tiram
- Stesen Petronas Jalan Tebrau 1
- Stesen Petronas Bukit Kempas
- Stesen Petronas KM 7 Skudai
- Stesen Petronas Cahaya Masai

6 BANTUAN TUNAI SEKALI BERI (ONE-OFF) INI KHUSUS UNTUK MEMBANTU GOLONGAN B40 DAN KELUARGA YANG MEMPUNYAI BILANGAN TANGGUNGAN ANAK YANG RAMAI... 9

7. Bantuan Pendidikan

Yayasan JCorp memperkenalkan inisiatif Bantuan Pendidikan berupa bantuan yuran persediaan masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT) sementara menunggu pinjaman atau biasiswa yang ditawarkan.

Bantuan tunai sekali beri (*one-off*) ini khusus untuk membantu golongan B40 dan keluarga yang mempunyai bilangan tanggungan anak yang ramai serta anak-anak yang melanjutkan pelajaran di IPT. Inisiatif ini pasti membantu meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga.

Permohonan bagi bantuan ini dibuat melalui Jawatankuasa Sumber dan Penyaluran Dana Yayasan JCorp. Sehingga 2021, seramai 864 pelajar menerima manfaat daripada dana ini.

Pemberian bantuan ini juga adalah strategi serampang dua mata iaitu memberi peluang pendidikan sejauh mungkin kepada mereka sekali gus membasmi masalah kemiskinan di masa akan datang.





8. Pakej Ransangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0

Selain itu, Yayasan JCorp telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 bagi mengagihkannya sumbangan baucar KFC bernilai RM20 kepada pelajar dan mahasiswa, anak yatim, orang kurang upaya dan warga emas di negeri ini.

Pengedaran dibuat melalui agensi pelaksana terpilih iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Pelajaran Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.


Jumlah keseluruhan inisiatif ini adalah berjumlah RM1.403 juta kepada seramai 70,190 orang penerima.

6 JUMLAH KESELURUHAN INISIATIF INI ADALAH BERJUMLAH RM1.403 JUTA KEPADA SERAMAI 70,190 ORANG PENERIMA. 9



ALAM SEKITAR

Memperkasa kualiti hidup
melalui pendidikan alam sekitar



“...MASYARAKAT MESTI TAHU BAGAIMANA MAHU MENJAGA PERSEKITARAN SUPAYA GENERASI AKAN DATANG DAPAT MEMINJAMKAN PULA KEPADA GENERASI SETERUSNYA.”

Dunia yang kita duduki hari ini, dipinjam daripada generasi terdahulu. Justeru bagi menzahirkan falsafah itu, masyarakat mesti tahu bagaimana mahu menjaga persekitaran supaya generasi akan datang dapat meminjamkan pula kepada generasi seterusnya. Di Yayasan JCorp, program alam sekitar adalah program yang baharu diperkenalkan.

Tujuannya untuk menyokong Agenda ESG JCorp 2022-2026 yang melibatkan komitmen JCorp dan Syarikat Kumpulan secara menyeluruh.

Empat teras elemen penting dalam pelaksanaan program ini adalah Pemeliharaan dan Pemulihan Alam dan Sungai; Tanaman Pokok; Program Kitar Semula; serta Penjimatan Tenaga.





Yayasan JCorp Mengorak Langkah Ke Arah Pendigitalan

Malaysia telah mengorak langkah ke dunia digital sejak tahun 1996 menerusi pelancaran Koridor Raya Multimedia. Hari ini ia terus diperkukuhkan dengan kemunculan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) yang merubah landskap ekonomi dan sosial di seluruh dunia dengan ketara. Kemudian, kemunculan Pandemik COVID-19 telah mempercepat gelombang perubahan yang mendorong rakyat, perniagaan dan kerajaan untuk mengadaptasikan pendigitalan dalam urusan kehidupan seharian.

Menyedari betapa pentingnya platform digital ini, Yayasan JCorp sangat komited serta bersedia untuk berubah ke arah operasi digital secara holistik bagi memastikan pendigitalan dapat direalisasikan. Ia juga selari dengan hala tuju Johor Corporation dan syarikat Kumpulan masa kini yang sememangnya telah bergerak pantas ke arah digitalisasi.

Seperti syarikat-syarikat lain, Yayasan JCorp mula menggunakan pelbagai platform digital sebagai pemudahcara dalam urusan seharian. Mesyuarat dan perbincangan dijalankan secara atas talian menggunakan aplikasi Teams; Google Meet; dan Zoom.

Media sosial Yayasan JCorp juga turut dirancakkan di mana segala program termasuk promosi dan hebahkan tidak lagi menggunakan platform tradisional iaitu secara cetakan dan sebagainya. Menerusi kaedah pemasaran digital ini, penyampaian maklumat menjadi semakin efektif dan lebih meluas.

● **SEPERTI SYARIKAT-SYARIKAT LAIN, YAYASAN JCORP MULA MENGGUNAKAN PELBAGAI PLATFORM DIGITAL SEBAGAI PEMUDAHCARA DALAM URUSAN SEHARIAN.** ●

Pelaksanaan digitalisasi di Yayasan JCorp dapat dilihat menerusi sistem penyampaian pembelajaran dan pendidikan yang kini menjurus kepada ketersambungan jalur lebar di kediaman pelajar dan akses kepada komputer riba atau komputer. Program-program seperti kursus Rancangan Perniagaan; Training of Trainers Pro Du-It; Go Digital Asean; program *softskill*; seminar keibubapaan; dan Kursus Anggota Pekerja telah dijalankan secara online dan tayangan video. Ini telah meningkatkan tahap celik digital dalam kalangan peserta supaya terus peka dan bijak merebut peluang yang muncul daripada teknologi terkini.

Program webinar banyak digunakan oleh Yayasan JCorp bagi memastikan pembelajaran dan program terus berjalan seperti biasa. Malahan penyampaian secara maya ini telah menjadi '*trend*' dan masing-masing berusaha melengkapkan diri dengan ilmu yang baharu agar terus berada dalam ekosistem digital yang selalu berubah dengan pantas.

Maklum balas peserta yang menyertai program anjuran Yayasan JCorp juga mudah diperolehi iaitu dengan menggunakan perkhidmatan laman web *Survey Monkey* tanpa perlu membuat cetakan borang dan sebagainya.

Inisiatif '*On Pay*' telah diperkenalkan oleh Yayasan JCorp di mana semua urusan tunai sama ada sumbangan atau pembayaran dijalankan secara atas talian. Ini sekali gus memudahkan dan mempercepatkan sesuatu transaksi pembayaran yang dijalankan. Malahan Yayasan JCorp juga telah bekerjasama dengan Global Sadaqah menggunakan platformnya mengumpul dana bagi aktiviti Projek Tuisyen Yayasan JCorp.



❶ INISIATIF '*ON PAY*' TELAH DIPERKENALKAN OLEH YAYASAN JCORP DI MANA SEMUA URUSAN TUNAI SAMA ADA SUMBANGAN ATAU PEMBAYARAN DIJALANKAN SECARA ATAS TALIAN. ❷

Platform E-sijil juga telah digunakan oleh Yayasan JCorp bagi memberi kemudahan kepada peserta programnya mendapatkan sijil masing-masing dengan cepat dan selamat.

Selain itu, sistem pendaftaran juga telah dibuat secara online bagi memudahkan pendaftaran. Ia merangkumi pendaftaran program-program anjuran Yayasan JCorp seperti penyertaan pertandingan dan permohonan bantuan serta sumbangan.





Seiring perubahan norma baharu yang dipercepatkan lagi oleh pandemik COVID-19, platform penyertaan komuniti dalam program pengukuhan kemahiran dan ilmu keibubapaan telah beralih daripada sesi perkumpulan secara fizikal kepada ceramah secara dalam talian.

Sepanjang 2021, enam program dilaksanakan menerusi webinar dengan mencatat lebih 11,000 penonton. Sesi itu melibatkan tajuk "Kepentingan Membela Nasib Kanak-Kanak Istimewa", "COVID

Positif - Menangani & Menguruskan Tekanan Semasa PKP", "Remaja Beremosi?", "Kesihatan Mental Keluarga Semasa Pandemik: Kental atau Koyak", "Program Motivasi & Pembangunan Jati Diri Murid-Murid" serta "Pengurusan Kewangan Sebelum dan Selepas Pandemik dan Cara Meningkatkan Ekonomi Keluarga".

Kejayaan ini mendorong Yayasan JCorp merancang sesi webinar seterusnya bagi program serupa pada 2022.

6 SEPANJANG 2021, ENAM PROGRAM DILAKSANAKAN MENERUSI WEBINAR DENGAN MENCATAT LEBIH 11,000 PENONTON. 9



Webinar / Parenting

Tahun Mula
2018

32,131
VIEWS

1,063,610
REACH

PERANCANGAN STRATEGIK YAYASAN JOHOR CORPORATION



Sebagai organisasi yang dinamik dan inklusif, Yayasan JCorp sentiasa melakukan pembaharuan serta penambahbaikan dalam segenap segi bagi meningkatkan keberkesanan peranannya. Perkara ini terkandung dalam Perancangan Strategik Yayasan Johor Corporation 2022-2026.

Perancangan jangka pendek lima tahun ini mengekalkan empat bidang fokus utama yang sama iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Kesejahteraan Komuniti; serta Alam Sekitar. Naratif serta strategik programnya akan disusun berdasarkan input perbincangan kumpulan berfokus dalam membentuk maklum balas serta idea yang melibatkan empat kluster Rakan Strategik yang ditetapkan berdasarkan bidang fokus utama.

Justeru, bagi memastikan kelangsungan aktiviti ini terus kekal relevan dengan persekitaran norma baharu, pelbagai inisiatif dan program baharu telah diperkenalkan. Antara inisiatif yang dicadangkan dalam perancangan strategik tersebut adalah :

1. Aktiviti pemusatan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) JCorp dan syarikat Kumpulan bagi tujuan menyatukan dana, mengatur dan menyelaras aktiviti melalui Yayasan JCorp.
2. Penubuhan Sahabat YJC sebagai satu platform kepada para peserta program untuk terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan dan program bantuan sosioekonomi kepada komuniti setempat.
3. Pelaksanaan program berbentuk Kreatif melalui platform digital dan fizikal bagi mengasah kreativiti dan mencungkil bakat anak-anak muda untuk bebas berkarya di samping berkongsi mesej positif.
4. Penambahbaikan program Sustainable School dengan penghasilan produk yang berpotensi untuk dikomersilkan sekali gus boleh mencipta jenama produk tersebut di pasaran terbuka.
5. Program peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran kepada pelajar-pelajar Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan pusat latihan melalui program latihan industri di syarikat-syarikat dalam Kumpulan JCorp.
6. Program Bijak Kewangan dan Takaful Pendidikan dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

7. Pelaksanaan program pendidikan melalui penggunaan teknologi digital serta peningkatan program bantuan pembiayaan pendidikan kepada pelajar yang berkecukupan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang profesional.
8. Program Kesejahteraan Komuniti yang menyeluruh bagi menyalurkan sumbangan dan bantuan yang bertujuan membantu mengurangkan beban di samping meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup mereka yang terkesan.

Secara keseluruhan, Yayasan JCorp memperuntukkan bajet berjumlah RM4.125 juta bagi menjayakan aktiviti ini bagi tahun 2022.

Penguatan Imej

Program-program Yayasan JCorp akan lebih berkesan jika imej dan jenama Yayasan JCorp dapat diperkukuhkan. Ini

kerana masyarakat yang lebih mengenali peranan Yayasan JCorp akan lebih mudah menyokong kegiatannya dan membantu penyaluran sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

Oleh itu, peranan unit Komunikasi Korporat penting bagi mengaturkan dan melaksanakan proses penguatan imej, jenama serta komunikasi korporat Yayasan JCorp. Antara tugas yang menjadi tanggungjawab unit tersebut termasuk penerbitan laporan tahunan syarikat, pengemaskinian laman web, perancangan kandungan media sosial serta promosi dan hebahkan nasional melalui media massa.

Penambahan Klausula Perlembagaan Yayasan JCorp

Seluruh aktiviti Yayasan JCorp tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan dalam Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan.

Jika dilihat, kegiatan Yayasan JCorp sehingga kini banyak bertumpukan kepada bidang fokus Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti. Ini kerana untuk menambahkan kegiatan baharu, Yayasan JCorp perlu menambahkan klausa baru dalam perlembagaannya.

Diharapkan dengan penambahan klausa ini, aktiviti-aktiviti baharu dapat dijalankan dalam bidang fokus Seni, Budaya dan Warisan serta Alam Sekitar.

PROGRAM-PROGRAM YAYASAN JCORP AKAN LEBIH BERKESAN JIKA IMEJ DAN JENAMA YAYASAN JCORP DAPAT DIPERKUKUHKAN. 9



JAWATANKUASA PEMATUHAN DAN TADBIR URUS

JAWATANKUASA PEMBELIAN & KELULUSAN PROGRAM

Peranan :

- 1) Membincangkan hal-hal berkaitan pembelian barangan, peralatan, pelaksanaan program, latihan, pelantikan konsultan, barang-barang hadiah dan cenderahati.
- 2) Bertanggungjawab meluluskan permohonan/pembelian mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan.
- 3) Kekerapan mesyuarat diadakan berdasarkan kepada keperluan atau permohonan dari pihak Yayasan JCorp.
- 4) Kelulusan juga boleh diperolehi melalui Ketetapan Beredar (circular resolution) bagi perkara-perkara penting yang memerlukan kelulusan segera.
- 5) Minimum 3 orang yang hadir dan mesyuarat boleh diteruskan serta mengambil keputusan yang di buat tersebut.

Senarai Ahli Jawatankuasa

	NAMA
	PENGERUSI :
1.	Encik Ahmad Shariffuddin Abdul Rahman Pengurus Besar Jabatan Perolehan Kumpulan, JCorp
	JAWATANKUASA :
2.	Encik Abdul Rahman Yusoff Jabatan Venture Builder
3.	Puan Siti Hajar Marhani Jabatan Kewangan & Strategi Kewangan
4.	Cik Hajah Dahniar Abd Rahman Jabatan Pentadbiran
5.	Cik Noor Fazidah Mohamed Sharif Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
	Setiausaha Puan Rosita Md Ali (Yayasan JCorp)

JAWATANKUASA PENYALURAN DANA PENDIDIKAN YAYASAN JOHOR CORPORATION

Peranan :

- 1) Membincangkan dan menetapkan kadar sumbangan yang bakal diterima oleh pemohon berdasarkan kes yang dikemukakan.
- 2) Bertanggungjawab meluluskan permohonan mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 3) Memastikan sumbangan yang diperuntukkan diuruskan secara telus.
- 4) Bersidang berdasarkan kepada keperluan dan permohonan.
- 5) Kelulusan juga boleh diperolehi melalui Ketetapan Beredar (circular resolution) bagi perkara-perkara penting yang memerlukan kelulusan segera.

Senarai Ahli Jawatankuasa

	NAMA
	PENGERUSI :
1.	Encik Fadhly Suffian Laili Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif JCorp
	JAWATANKUASA :
2.	Tuan Haji Khairun Ahmad KPJ Puteri Specialist Hospital
3.	Prof. Dr. Mohd Zaher Mohd Zain KPJ Healthcare University College (KPJUC)
4.	Cik Mariyam Mohd Yusof Kulim (Malaysia) Berhad
5.	Puan Azuahanum Muhd Zain QSR Brands (M) Holdings Bhd
6.	Cik Razana Jamiun Johor Land Berhad
7.	Encik Mohd Saffian Hj Jaafar Damansara Assets Sdn Bhd
	Setiausaha Puan Norashikin Khamsani (Yayasan JCorp)

**JAWATANKUASA PERHUBUNGAN INDUSTRI & INSTITUSI KEMAHIRAN
YAYASAN JOHOR CORPORATION****Peranan :**

- 1) Memantau dan menyelaras keperluan majikan & penempatan pelajar kemahiran.
- 2) Mengawal kualiti, keperluan dan pmatuhan program.
- 3) Jaringan antara keperluan industri dan institusi kemahiran.
- 4) Pengumpulan data (*data centre*) majikan dan pelajar khususnya di negeri Johor.
- 5) Mengadakan mesyuarat/perjumpaan 3 bulan sekali atau berdasarkan kepada keperluan atau permohonan daripada mana-mana pihak.

Senarai Ahli Jawatankuasa

JAWATANKUASA	NAMA
1. Pengerusi	Tuan Haji Bukhari Abd Rahman Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Berhad/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan JCorp
Ahli Jawatankuasa	
2. Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Puan Nor Uyon Shoib Pengarah
3. Jabatan Pembangunan Kemahiran	Encik Mohamad Musa Ahmad Pengarah
4. Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)	Encik Suraindran Visuvanathan Pengurus Cawangan
5. Unit Strategik Modal Insan	Puan Tazrina Ahmad Pengarah
6. Johor Petroleum Development Corporation	Encik Hilmy Hussain Ketua Jabatan Tenaga Kerja Industri
7. Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) [Cawangan Selatan]	Encik Najmuddin Halim Konsultan Perhubungan Industri
8. Bahagian TVET & Kolej Vokasional	Encik Kamarudin Abu Ketua Penolong Pengarah Kanan TVET Jabatan Pendidikan Negeri Johor

JAWATANKUASA	NAMA
Ahli Jawatankuasa	
9. Institut Latihan Perindustrian	Tuan Haji Sarman Hj Rawan Pengarah
10. Johor Skill Development Centre	Encik Sallehuddin Mohd Nor Timbalan Pengurus Besar
11. Institut Kemahiran MARA	Encik Fazli Rizal Ismail Pengarah
12. Kolej Komuniti Pasir Gudang	Puan Hajah Fadzzillah Mohd Yusof Pengarah
13. Kolej Komuniti Bandar Penawar	Encik Tahir Leemat Pengarah
14. Giat Mara (Johor)	Encik Nazurin Osman Pengarah
15. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	Encik Khailani Ismail Pengarah
Setiausaha	
16. Yayasan JCorp	Encik Mohamad Nasir Hassan

JANUARI 2021

1-31 JAN

Pertandingan Komik Jawi Siri 1

15 JAN

Misi Bantuan Banjir di Johor Bahru dan Pontian



FEBRUARI 2021

5 & 7 FEB

Misi Bantuan Banjir Siri 2 di Kota Tinggi dan Batu Pahat



MINGGU 2 & 4 FEB

Pertandingan YJC English Challenge
Siri 1 & 2**20 FEB**

Kuiz Live Jawi Siri 1

27 FEB

Kuiz Live English Challenge

MAC 2021

1-31 MAC

Pertandingan Komik Jawi Siri 2

MINGGU 2 & 4 MACPertandingan YJC English Challenge
Siri 3 & 4**5 MAC**Serahan Sumbangan 100 Bakul Makanan
Kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat
Negeri Johor (JKMJ)**20 MAC**Program 'Home Visit' anjuran Yayasan
Kanser Tunku Laksamana Johor bagi
daerah Johor Bahru**21 MAC**Program 'Home Visit' anjuran Yayasan
Kanser Tunku Laksamana Johor bagi
daerah Pontian

25 MAC

Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Persatuan Cerebral Palsy Johor, di Dewan Cerebral Palsy Johor Bahru.



APRIL 2021

5 APR

Majlis Serahan 50 unit komputer riba kepada pesakit kanser kanak-kanak & remaja kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor



6 APR

Majlis Kerjasama & Pelancaran Program-Program Baharu antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Yayasan Johor Corporation



7 APR

Lawatan dan penyerahan laptop kepada kanak-kanak pesakit kanser anjuran Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) bagi daerah Johor Bahru



12 APR

Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Industri & Institusi Kemahiran Kali 1



MINGGU 2 & 4 APR

Pertandingan YJC English Challenge Siri 5 & 6

17 APR

Kuiz Live Jawi Siri 2

18 APR

Taklimat & Penyampaian Watikah Pelantikan Sekolah Projek Tuisyen Sekolah Menengah



20 APR

Program Bubur Lambuk Johor FM Pandu Lalu



20-21 APR

Temuduga Secara Atas Talian Pelajar
Program Latihan Industri (PVMA)

24 APR

Singgah Sahur Bersama Kelab
Media Johor

26 APR

Lawatan dan Kunjungan daripada
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi
(PTPTN) ke Yayasan JCorp

29 APR

Majlis Penyerahan Buku Bahasa Inggeris
"Books For Asia" kepada 100 buah
sekolah Rendah Negeri Johor

**MEI 2021****8 MEI**

Kuiz Live English Challenge

1-31 MEI

Pertandingan Komik Jawi Siri 3

MINGGU 2 & 4 MEI

Pertandingan YJC English Challenge
Siri 7 & 8

JUN 2021**2 JUN**

Sumbangan kepada Tabung Prihatin
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

7 JUN

Webinar Keibubapaan : Kepentingan
Membela Nasib Kanak-Kanak Istimewa

**MINGGU 2 & 4 JUN**

Pertandingan YJC English Challenge
Siri 9 & 10

19 JUN

Kuiz Live Jawi Siri 3

JUN-OGOS

Kapsul Hebahan Radio Inisiatif Covid 19
Eksklusif oleh Yayasan JCorp melalui
Radio BestFM

**JULAI 2021****1-30 JUL**

Pertandingan Komik Jawi Siri 4

MINGGU 2 & 4 JUL

Pertandingan YJC English Challenge
Siri 11 & 12

20 JUL

Majlis Menyantuni Petugas di PPVAZ
Persada Johor

**22 JUL**

Webinar Keibubapaan : Menangani &
Mengurus Tekanan Semasa PKP

OGOS 2021**OGOS-NOV**

Pelancaran Inisiatif Bank Makanan Yayasan
JCorp (Foodbank YJC)

2 OGOS

Agihan Kotak Makanan Di Rumah Pangsa
Larkin & Terminal Food Bank di Pasaraya
Komuniti @Mart Kempas, Pasar Awam
Taman Dahlia & Kiosk Melita Kulim (M) Bhd



7 OGOS

Serahan Kotak Makanan kepada Penduduk Flat Taman Desa Mutiara



9 OGOS

Program Pencarian Jurulatih Komuniti Untuk Program Go Digital Asean dengan kerjasama The Asia Foundation

11 OGOS

Serahan Kotak Makanan kepada Penduduk Flat Taman Cempaka

MINGGU 2 & 4 OGOS

Pertandingan YJC English Challenge Siri 13 & 14

14 OGOS

Serahan Kotak Makanan kepada Penduduk Kampung Sepakat Baru & Kampung Laut, Skudai



19 OGOS

Webinar Keibubapaan : Remaja Beremosi?

21 OGOS

Serahan Kotak Makanan kepada Penduduk Taman Air Biru, Pasir Gudang



23 OGOS

Program Kelas Tuisyen English KidsEdu dengan kerjasama Deloitte Malaysia



25 OGOS

Kuiz Live English Challenge

28 OGOS

Taklimat Pelaksanaan Program Bijak Wang & Takaful Pendidikan bersama pegawai-pegawai cawangan PTPTN Johor

Kuiz Live English Challenge

31 OGOS

Kuiz Live Jawi Siri 4

SEPTEMBER 2021

1-30 SEP

Pertandingan Komik Jawi Siri 5

4 SEP

Serahan Kotak Makanan kepada Penduduk Rumah Pangsa Larkin



MINGGU 2 & 4 SEP

Pertandingan YJC English Challenge Siri 15 & 16

8 SEP

Forum Menjana Kecemerlangan TVET Secara Atas Talian kerjasama Yayasan JCorp dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor


8 SEP

Program Bank Makanan dengan kerjasama Petronas Dagangan Berhad di 5 stesen Petronas


9 SEP

Serahan Kotak Makanan kepada Penduduk Flat Desa Mutiara Johor Bahru

13 SEP

Bengkel Program Bijak Wang dan Takaful Pendidikan secara atas talian kepada ibubapa dan anak-anak seluruh Johor


26 SEP

Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Perubatan kepada Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor

Sumbangan Peralatan Perubatan Bernilai RM170k kepada Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor


OKTOBER 2021
2 OKT

Webinar Keibubapaan : Kesihatan Mental Keluarga Semasa Pandemik - Kental Atau Koyak

3 OKT

Lawatan Pengerusi Yayasan JCorp & sumbangan serahan kotak makanan kepada penduduk Perumahan Pangsa Larkin dan meninjau projek Food Bank di Stesen Petronas Kempas, Johor


5 OKT

Majlis Agihan Kotak Makanan kepada Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur

Serahan sumbangan Peralatan Perubatan kepada Hospital Sultanah Aminah dengan kerjasama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor



6 OKT

Serahan kotak makanan kepada 100 buah keluarga pelajar dari Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur



7 OKT

Bengkel 'Training of Trainers' modul Strives for Success bagi sekolah-sekolah Program tuisyen Bahasa Inggeris Yayasan JCorp



10 OKT

Webinar : Motivasi & Pembangunan Jati Diri kepada murid-murid seluruh negeri Johor



11 OKT

Webinar Keibubapaan : Tips Urus Kewangan & Jana Pendapatan Melalui Media Sosial

13 OKT

Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan Yayasan Johor Corporation kepada 76 orang pelajar di kalangan anak- anak anggota pekerja Kulim (Malaysia) Berhad

Serahan Kotak Makanan kepada penduduk Taman Melor, Johor Bahru



MINGGU 2 & 4 OKT

Pertandingan YJC English Challenge Siri 17 & 18

15 OKT

Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Antara Yayasan JCorp dan Petronas Dagangan Berhad secara virtual



23 OKT

Kuiz Live Jawi Siri 5

NOVEMBER 2021

2-30 NOV

Pertandingan Mencipta Video Kreatif Siri 1

MINGGU 2 & 4 NOV

Pertandingan YJC English Challenge Siri 19 & 20

18 NOV

Program Pendidikan Tunas Jauhar : Strategi Usahawan, Mental Kental bukan Koyak

19 NOV

Program PINTAS Yayasan JCorp : Program tuisyen SPM kepada pelajar Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur

27 NOV

Webinar Keibubapaan : Pengurusan Kewangan Semasa & Selepas Pandemik dan Jana Ekonomi Keluarga

DISEMBER 2021

7 DIS

Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Industri & Institusi Kemahiran Kali 2



11 DIS

Kuiz Live English Challenge

18 DIS

Program amal Laksamana Virtual Run & Ride : Live Show program kerjasama Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor


20 DIS

Program kerjasama antara Kulim (M) Berhad dan Yayasan JCorp iaitu Kulim Peduli: Covid-19 Relief Program


22 DIS

Pelancaran Tabung Bencana Banjir #KitaBantuKita

22-23 DIS

Program kerjasama antara Kulim (M) Berhad dan Yayasan JCorp iaitu Kulim Peduli: Covid-19 Relief Program


23 DIS

Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Banjir kepada Anggota Pekerja Johor Corporation & Syarikat Dalam Kumpulan.



Misi Bantuan Bencana Banjir di Selangor


30 DIS

Majlis Penyerahan Buku 'Books For Asia' kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) & Pengumuman Pemenang Sekolah Terbaik JCorp English Challenge




MAKLUMBALAS KEBERKESANAN PROGRAM YAYASAN JOHOR CORPORATION


51




MAKLUMBALAS KEBERKESANAN PROGRAM




Peratusan mengenali
Yayasan Johor Corporation




Peningkatan dalam
pengetahuan




Kesesuaian program
yang dijalankan



Kebekerkesan keseluruhan
program yang dijalankan



Memanfaatkan pengetahuan
yang diperolehi dalam
kehidupan



Pelaksanaan semula
program pada masa
hadapan

■ Ya ■ Tidak

Order Aligned • April 5, 2023 @ 11:16am
 2706457301.com



By VINCENT D'SILVA - August 4, 2021 @ 5:33pm

Raja Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofya menerima sumbu Karam Turki di Johore Bahru, Johor (7/10/2018).



RESEARCH: 2-Qubit Market Drops After VIB Data (Fig. 1) (Source: National Bureau of Economic Research, 2015)

By VINCENT D-SILVA - July 23, 2021 @ 4:28pm



By VINCENT SALVA - April 7, 2021 @ 2:41pm



Shaharuddin Saari (left) and Rozaini exchange pennants to symbolise the partnership between JPN and Yayasan JC Corp. - NSTP/VINCENT D'SILVA

By WOODRUFF J. - March 26, 2013. © 12.5.13.



From left to right: (second from right) hands over a mock cheque amounting to R1500,00 (second from left) witnessed by Zanon family (centre). Looking on are Dr Ballon Kinnon (left) and (far right) Vincent Vincent (right) - Dr Vincent Vincent (right)

The *Good and Beautiful* series is a series of 1000+ educational videos.

by Freya Stark, 1949



And there you have it, the official record of the 2011-2012 season.

Johor Corporation (JCorp) through Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) had launched the Fao Bank Yayasan JCorp initiative that aims to provide RM500,000 worth of essential food items to 10,000 low-income families in Johor.



The authors declare no conflict of interest. The authors alone conceived the study and were involved in all stages of the study, from design to data analysis and interpretation, and in writing the manuscript. The authors also approved the final version of the manuscript for submission.

—

YEE XIANG YUN

METRO NEWS

Monday, 11 Oct 20

Related News



METRO NEWS 1 day ago
Lions Club raises
RM55,000 to improve
schools' learning...

FOOTBALL 12h 42m
Soccer-NWSL expansion club Wave FC to sign U.S. defender Osh Williams



Page 10 of 10



PENYATA
KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021



55 Laporan Para Pemegang Amanah

58 Penyata Kedudukan Kewangan

59 Penyata Untung atau Rugi
dan Lain-lain Pendapatan
Komprehensif

60 Penyata Perubahan Dana

61 Penyata Aliran Tunai

62 Nota-nota kepada Penyata
Kewangan

66 Kenyataan oleh Pemegang
Amanah

Pengakuan Berkanun

67 Laporan Juruaudit Bebas
kepada Ahli-ahli

Para pemegang amanah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Yayasan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

1. MATLAMAT

Matlamat penubuhan Yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, pendidikan, pembangunan usahawan dan latihan teknikal.

Tidak terdapat perubahan yang ketara dalam kegiatan-kegiatan di atas sepanjang tahun semasa.

2. KEPUTUSAN KEWANGAN

RM

Lebih pendapatan komprehensif dalam tahun semasa

608,052

3. RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindaan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

4. LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Para pemegang amanah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan sepanjang tempoh dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:-

Rozaini bin Mohd Sani
Dato' Yahya bin Ahmad
Azman bin Adnan
Bukhari bin Abd Rahman

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada di antara para pemegang amanah Yayasan yang telah menerima atau berhak menerima sebarang faedah akibat daripada perjanjian yang dibuat oleh Yayasan atau syarikat-syarikat berkaitan dengan pemegang amanah ataupun dengan firma di mana pemegang amanah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana pemegang amanah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sama ada semasa atau pada penghujung tahun kewangan, Yayasan tidak terlibat dengan sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan para pemegang amanah mendapat faedah melalui perolehan saham atau debentur dalam mana-mana badan korporat.

5. JAMINAN PERLINDUNGAN DAN KOS INSURAN

Tiada jaminan perlindungan yang diberikan atau premium insuran yang dibayar, sepanjang atau sejak akhir tahun, bagi mana-mana orang yang telah atau pernah menjadi pengarah, pegawai atau juruaudit Yayasan.

6. LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

(a) Sebelum penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Yayasan disediakan, para pemegang amanah telah mengambil langkah-langkah wajar bagi:-

- (i) memastikan bahawa tindakan yang wajar diambil berkaitan dengan menghapuskira hutang lapuk dan membuat elaun hutang ragu dan mereka telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui, telah dihapuskira dan elaun yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (ii) memastikan bahawa sebarang harta semasa yang nilai bukunya tidak dapat diperolehi dalam kegiatan biasa perniagaan, nilai yang tercatat di rekod perakaunan Yayasan telah disusutkan kepada nilai yang dianggap boleh diperolehi.

(b) Pada tarikh laporan ini:-

- (i) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang memerlukan Yayasan menghapuskirakan hutang lapuk atau membuat peruntukan untuk hutang ragu di dalam penyata kewangan Yayasan;
- (ii) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menimbulkan kekeliruan atas nilai harta semasa dalam penyata kewangan Yayasan;
- (iii) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang telah timbul yang boleh mengakibatkan kaedah penilaian harta atau tanggungan Yayasan mengelirukan atau tidak sesuai;
- (iv) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan selain dari yang telah dinyatakan dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Yayasan yang akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan tersebut mengelirukan;
- (v) tidak wujud sebarang cagaran ke atas harta Yayasan yang timbul sejak 31 Disember 2021 yang menjamin tanggungan-tanggungan pihak lain; dan
- (vi) tidak wujud sebarang tanggungan luarjangka yang timbul sejak 31 Disember 2021.

6. LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB)

(c) Tiada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan Yayasan yang mungkin atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31 Disember 2021 yang mana, pada pendapat para pemegang amanah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Yayasan dalam memenuhi tanggungan mereka apabila tiba waktunya.

(d) Pada pendapat para pemegang amanah:-

(i) hasil kendalian Yayasan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 tidak terjejas dengan berkesan oleh apa-apa perkara, urusan atau kejadian utama yang penting dan luarbiasa; dan

(ii) tidak ada perkara, urusan atau kejadian utama yang berlaku antara 31 Disember 2021 dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urusan atau kejadian utama yang penting dan luarbiasa yang mungkin mempengaruhi secara berkesan keputusan operasi Yayasan bagi tahun kewangan yang mana laporan ini disediakan.

7. JURUAUDIT

(a) Butiran ganjaran yang dibayar atau akan dibayar kepada juruaudit Yayasan dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

(b) Azman, Wong, Salleh & Co. telah menyatakan kesediaan mereka menerima perlantikan semula.

Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah,



Rozaini bin Mohd Sani
Pemegang Amanah



Bukhari bin Abd Rahman
Pemegang Amanah

Johor Bahru

Tarikh : 21 APR 2022

	Nota	2021 RM	2020 RM
ASET			
Aset semasa			
Lain-lain penghutang dan akaun belum terima	4	31,135	2,827
Simpanan tetap, tunai dan baki bank	5	5,182,915	4,627,400
Jumlah aset		<u>5,214,050</u>	<u>4,630,227</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti pemegang saham			
Lebihan pendapatan terkumpul		4,996,937	4,388,885
Liabiliti semasa			
Lain-lain pemiutang dan akaun belum bayar	6	217,113	241,342
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		<u>5,214,050</u>	<u>4,630,227</u>

Nota-nota di mukasurat 62 hingga 65 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

59

	Nota	2021 RM	2020 RM
PENDAPATAN	7	5,375,438	2,258,806
LAIN-LAIN PENDAPATAN		81,864	125,323
PERBELANJAAN		(4,849,250)	(1,628,487)
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	8	608,052	755,642
CUKAI	9	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI MEWAKILI JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN		608,052	755,642

Nota-nota di mukasurat 62 hingga 65 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN DANA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**Lebih
Pendapatan
Terkumpul****RM**

Baki pada 1 Januari 2020	3,633,243
Lebih pendapatan tahun semasa	755,642
Baki pada 31 Disember 2020	<u>4,388,885</u>
Lebih pendapatan tahun semasa	608,052
Baki pada 31 Disember 2021	<u><u>4,996,937</u></u>

Nota-nota di mukasurat 62 hingga 65 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

61

	2021 RM	2020 RM
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan pendapatan sebelum cukai	608,052	755,642
Pelarasan bagi:		
Keuntungan dari simpanan tetap dengan bank berlesen	(48,905)	(66,860)
Lebihan pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja	559,147	688,782
(Tambahan)/pengurangan dalam lain-lain penghutang dan akaun belum terima	(28,308)	378,829
Pengurangan dalam lain-lain pemiutang dan akaun belum bayar	(24,229)	(130,531)
Wang tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi	506,610	937,080
Keuntungan diterima dari simpanan tetap dengan bank berlesen	48,905	66,860
LEBIHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DALAM TAHUN SEMASA	555,515	1,003,940
WANG TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	4,627,400	3,623,460
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN (NOTA 5)	5,182,915	4,627,400

Nota-nota di mukasurat 62 hingga 65 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

1. MAKLUMAT UMUM

Kegiatan utama Yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, pendidikan, pembangunan usahawan dan latihan teknikal.

Yayasan merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan yang telah diperbadankan di Malaysia dan oleh itu tidak mempunyai saham.

Alamat berdaftar Syarikat adalah di Level 16, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor.

Syarikat menjalankan kegiatannya di Level 18, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor.

Penyata kewangan Yayasan telah diluluskan oleh para pemegang amanah pada

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Yayasan disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") dan Peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Yayasan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan di senarai polisi perakaunan.

Polisi perakaunan yang digunakan oleh Yayasan adalah konsisten dengan tahun-tahun kewangan terdahulu, selain daripada menggunakan MFRS yang dipinda seperti di Nota 2.2 di bawah.

2.2 Penerimaan pakai pindaan kepada MFRS

Dalam tahun kewangan semasa, Yayasan telah menggunakan pindaan kepada MFRS berikut, yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021:-

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

Pindaan kepada MFRS 4, Pindaan kepada MFRS 7, Pindaan kepada MFRS 9, Pindaan kepada MFRS 16 dan Pindaan kepada MFRS 139 – Pembaharuan Ukur Rujuk Kadar Faedah – Fasa 2

Penggunaan pakai awal pindaan kepada MFRS di atas tidak akan mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Yayasan.

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB)

2.3 Pindaan kepada MFRS yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Yayasan masih belum menggunakan pindaan kepada MFRS berikut yang telah pun dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi masih belum berkuatkuasa:-

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 April 2021

Pindaan kepada MFRS 16 – Covid-19 – Konsesi Sewa Berkaitan selepas 30 Jun 2021

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

Pindaan kepada MFRS 3 – Rujukan kepada Rangka Kerja Konseptual

Pindaan kepada MFRS 116 – Terimaan sebelum Tujuan Penggunaan

Pindaan kepada MFRS 137 – Kontrak Membebaskan – Kos Memenuhi Kontrak

Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

Pindaan kepada MFRS 101 – Pengkelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa

Pindaan kepada MFRS 101 – Pendedahan Dasar Perakaunan

Pindaan kepada MFRS 108 – Definisi Anggaran Perakaunan

Pindaan kepada MFRS 4 – Pengecualian Sementara daripada Penggunaan pakai MFRS 9 dan Pengecualian Sementara daripada Keperluan Spesifik pada MFRS 128

Pindaan kepada MFRS 17 – Penggunaan pakai awal MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat Perbandingan

Pindaan kepada MFRS 112 – Cukai Tertunda Berkaitan dengan Aset dan Liabiliti Berpunca daripada Transaksi Tunggal

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas tarikh yang akan ditentukan oleh MASB

Pindaan kepada MFRS 10. Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama

2.4 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari sumbangan diiktiraf apabila ianya diterima. Sumbangan diterima adalah dikecualikan Cukai Pendapatan menurut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

3. MATAWANG FUNGSIAN DAN PENYAMPAIAN

Elemen yang terdapat dalam penyata kewangan Yayasan adalah dinilai dengan menggunakan matawang utama entiti beroperasi ("matawang fungsian"). Ringgit Malaysia merupakan matawang fungsian dan penyampaian bagi Yayasan dalam penyata kewangan.

4. LAIN-LAIN PENGHUTANG DAN AKAUN BELUM TERIMA

Deposit	31,135	-
Faedah simpanan tetap terakru	-	2,827
	<u>31,135</u>	<u>2,827</u>

5. SIMPANAN TETAP, TUNAI DAN BAKI BANK

	2021 RM	2020 RM
Tunai dan baki bank	2,232,036	1,728,253
Simpanan tetap dengan bank berlesen	2,950,879	2,899,147
	<u>5,182,915</u>	<u>4,627,400</u>

6. LAIN - LAIN PEMIUTANG DAN AKAUN BELUM BAYAR

	2021 RM	2020 RM
Lain - lain pemiutang	211,613	235,842
Belanja terakru	5,500	5,500
	<u>217,113</u>	<u>241,342</u>

7. PENDAPATAN

	2021 RM	2020 RM
Sumbangan Syarikat dan Korporat	4,200,075	2,250,000
Sumbangan awam dan individu	3,672	8,806
Sumbangan diterima untuk Persatuan Cerebral Palsy Johor	6,190	-
Terimaan daripada Inisiatif Bank Makanan	274,146	-
Terimaan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0	682,720	-
Terimaan daripada Program Pendidikan Tunas Jauhar	85,015	-
Terimaan daripada Global Sadaqah	94,084	-
Sumbangan tabung bantuan banjir	29,536	-
	<u>5,375,438</u>	<u>2,258,806</u>

8. LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI

Lebihan pendapatan sebelum cukai adalah selepas ditolak/(dicampur) :-

	2021 RM	2020 RM
Yuran audit	4,500	4,500
Yuran percukaian	1,000	1,000
Sewaan	159,968	154,783
Keuntungan daripada simpanan tetap dengan bank berlesen	(48,905)	(66,860)
Hibah	(2,182)	(1,928)
Kos pekerja :		
Pentadbiran		
Gaji, elaun dan bonus	310,360	273,734
KWSP dan PERKESO	49,957	43,337
Lain lain manfaat	5,240	9,335
Operasi		
Gaji, elaun dan bonus	742,113	528,542
KWSP dan PERKESO	120,626	103,591
Lain lain manfaat	12,228	21,782

9. CUKAI

Untuk tujuan percukaian, kelulusan telah diberi kepada Yayasan Johor Corporation mengikut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, di mana segala derma wang tunai kepada Yayasan tersebut layak diberi pelepasan cukai kepada penderma-pendermanya. Menurut surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bertarikh 30 Mac 2021, tempoh kelulusan untuk Yayasan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini adalah 5 tahun sehingga 31 Disember 2025.

10. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PENYATA KEWANGAN

Semenjak penularan wabak Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) pada awal tahun 2020, beberapa langkah bagi membendung wabak COVID-19 telah dan terus dilaksanakan di Malaysia. Yayasan memantau rapat perkembangan wabak COVID-19 dan kesan berkaitan ke atas operasi Yayasan. Sehingga tarikh penyata kewangan ini, Yayasan tidak menyedari sebarang kesan material ke atas penyata kewangan yang berpunca daripada wabak COVID-19.

KENYATAAN OLEH PEMEGANG AMANAH DAN PENGAKUAN BERKANUN

KENYATAAN OLEH PEMEGANG AMANAH MENURUT SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, Rozaini bin Mohd Sani dan Bukhari bin Abd Rahman, dua orang daripada pemegang amanah Yayasan Johor Corporation, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para pemegang amanah, penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 4 hingga 11 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.



Rozaini bin Mohd Sani
Pemegang Amanah



Bukhari bin Abd Rahman
Pemegang Amanah

Tarikh: 21 APR 2022

PENGAKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 251(1)(b) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, Noor Ruzilawati binti Ruddin, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Yayasan Johor Corporation dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 4 hingga 11 adalah pada pendapat saya betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama)
yang tersebut di atas, Noor Ruzilawati binti)
Ruddin di Johor Bahru dalam Negeri Johor)
Darul Takzim pada 21 APR 2022)



Noor Ruzilawati binti Ruddin

Dihadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



No. 29-01, Jalan Padi Emas 3/1
Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru

LAPORAN KE ATAS LAPORAN KEWANGAN

Pendapat

Kami telah memeriksa penyata kewangan Yayasan Johor Corporation, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021, penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif, penyata perubahan dana serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, senarai dasar-dasar perakaunan utama dan lain-lain nota penerangan yang dibentangkan di mukasurat 58 hingga 65.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Yayasan telah disediakan dengan sewajarnya menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami menurut piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut di seksyen "*Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan*" di dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Yayasan mengikut *Undang-undang Kecil (pada Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan)* Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional, *Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa)* ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat terdiri daripada Laporan Pemegang Amanah, tidak termasuk penyata kewangan Yayasan dan Laporan Juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Yayasan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami terhadap penyata kewangan Yayasan, tanggungjawab kami adalah untuk mentafsir lain-lain maklumat dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada terdapat lain-lain maklumat yang ketara dan tidak selaras dengan penyata kewangan Yayasan atau berbeza dengan maklumat yang diperolehi semasa pengauditan, atau terdapat salahnyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa ada salahnyata yang ketara pada lain-lain maklumat ini, kami dikehendaki untuk melaporkan fakta tersebut. Dalam hal ini, kami tidak mempunyai sebarang fakta untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Pemegang Amanah kepada Penyata Kewangan

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang dirasakan perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan bebas daripada sebarang salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Yayasan, pemegang amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan untuk meneruskan operasi secara berterusan, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan andaian berterusan dan menggunakan asas perakaunan andaian berterusan, melainkan jika pemegang amanah berhasrat untuk membubarkan Yayasan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan Yayasan secara keseluruhannya bebas daripada salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa sesuatu audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salahnyata yang ketara apabila ia wujud. Salahnyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, mereka dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan kepada penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang audit. Kami juga :

- Mengenalpasti dan menilai risiko salahnyata yang ketara pada penyata kewangan Yayasan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi serta sesuai untuk memberi asas yang munasabah. Risiko tidak mengesan salahnyata akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi jika dibandingkan daripada yang terhasil akibat satu kesilapan, disebabkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan dengan sengaja, gambaran yang salah, atau melampaui kawalan dalaman.
- Memperolehi pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan anggaran perakaunan yang munasabah serta pendedahan berkaitan, yang dibuat oleh pemegang amanah.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (samb)

Kami juga : (Samb)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian pemegang amanah menggunakan asas perakaunan andaian berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian yang ketara wujud berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ke atas keupayaan Yayasan untuk terus beroperasi secara berterusan. Jika kesimpulan dibuat bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk mendedahkan ketidakpastian tersebut di dalam penyata kewangan Yayasan atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Yayasan untuk berhenti daripada terus beroperasi secara berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Yayasan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili asas urusniaga serta peristiwa untuk mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan pemegang amanah mengenai, antara lain, skop yang dirancang, jangka masa audit serta penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

Lain-lain Hal

Laporan ini dibuat kepada ahli-ahli Yayasan, sebagai suatu badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan-tujuan lain. Kami tidak menerima tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain tentang kandungan laporan ini.



AZMAN, WONG, SALLEH & CO

No.: AF 0012

Akauntan Bertauliah



NG ENG KIAT

No.: 01064/03/2023 J

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur,

Tarikh: 21 APR 2022

PENAJA UTAMA YAYASAN JCORP




RAKAN STRATEGIK YAYASAN JCORP

Kementerian Pendidikan Malaysia

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Kerajaan Negeri Johor

Majlis Agama Islam Negeri Johor

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
Jabatan Perdana Menteri

Deloitte Malaysia

Petronas

The Asia Foundation

Global Sadaqah

Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(PTPTN)

Human Resource Development
Corporation (HRD Corp)

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Unit Strategik Modal Insan
Johor (SMI)

Yayasan Kanser Tunku
Laksamana Johor

Yayasan Raja Zarith Sofiah
Negeri Johor

Persekutuan Majikan-Majikan
Malaysia (MEF)

Jabatan Pertanian Johor

FAMA

Majlis Amanah Rakyat MARA

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Perpustakaan Awam Johor

Johor Skills Development Centre

Kolej Komuniti Malaysia

Southern Volunteers

Media



**TAMAN REM,
KOTA TINGGI**

HARGA ASAL

~~RM 414,000~~ ++

HARGA PROMOSI

RM 351,900 ++

RUMAH KEMBAR 1 TINGKAT (40' x 80')



LUAS BINAAN 1,289 kps

🛏 x 3 🛁 x 2

"GATED & GUARDED"

FAEDAH LAIN:

- ✓ **PERCUMA LEGAL FEE**
- ✓ **PERCUMA STAMP DUTY**
- ✓ **DEPOSIT SERENDAH
RM 500 SAHAJA**

TAWARAN TERHAD:

- ✓ **KADAR FAEDAH
PINJAMAN SERENDAH
2.9 %**

(Tertakluk Terma & Syarat)



Semua visual adalah sekadar lakaran sahaja

HUBUNGI KAMI SEGERA



013-391 8486 (Anis)
019-790 9108 (Hadi)
012-733 0349 (Midy)



40 Years of



We're all about inspiring confidence through our commitment to excellence in healthcare delivery. For you.

From our skilled and caring healthcare teams to our innovative technology, everything we do at KPJ Healthcare Berhad is done with a commitment to providing you with the best long-term quality-of-life with convenient and personalised solutions. We offer the best possible clinical outcomes and a convenient health journey facilitated by expert healthcare teams, supported by international quality infrastructure recognised by GlobalHealth Asia-Pacific Healthcare and Hospital Awards 2021 as the "Best Hospital of the Year in Malaysia" for all our 28-network of hospitals in the country.

KPJ Healthcare Berhad is Malaysia's largest and most comprehensive private healthcare ecosystem that strives to be your trusted partner for exemplary clinical care and life-long health.

#KPJCareforyou



For further information, please contact us at the following address or scan the QR code

KPJ Healthcare Berhad
Level 12, Menara KPJ
50400 Kuala Lumpur
☎ +603 2681 6222

Care for Life



Best Hospital of the
Year in Malaysia
(2017, 2018 & 2021)

Follow us on our social media.

f KPJ Healthcare Berhad 📷 kpj_healthcare in KPJ Healthcare Bhd 🌐 www.kpjhealth.com.my

KFC AYAM PERCIK



KARI RAYA PIZZA



JLAND 50th GOLDEN CELEBRATION

Stand a chance to win amazing prizes
with every property purchase
from 1 January - 31 December 2022



GRAND PRIZE x1
HONDA CITY
HATCHBACK RS

2nd PRIZE x1
YAMAHA NVX
155 V2

3rd PRIZE x1
SONY SMART
LED TV 65"

4th PRIZE x1
IPHONE PRO MAX
512GB

5th PRIZE x1
MICROSOFT
SURFACE PRO X13"

CONSOLATION PRIZES

SAMSUNG GALAXY Z FLIP 5G
x 5 winners
DYSON CORDLESS VACUUM
x 10 winners

PHILIPS STEAM IRON
x 10 winners
FOLDING BIKE
x 10 winners

AEON VOUCHER
RM1,000 x 10 winners

We reserve the right to make amendments, changes, modifications or attractions without prior notice. All images featured solely for illustration purposes. *Terms & conditions apply.

Jland Hotline
+60 19-711 2692

Bandar Dato' Onn / JB
+607-287 3152
Pasir Gudang
+607-287 3163

Bandar Tiram
+607-287 3217
Tmn Mutiara Gading
+607-287 3376

www.jland.com.my

  jlandofficial  jland_berhad

**The Journey
Continues**



JLAND
50
1972-2022

Memperkasa Kualiti Hidup Improving Quality of Life

Menjayakan CSR
dengan menekankan
agenda E.S.G.

Meningkatkan
kualiti hidup & sosio ekonomi
masyarakat

Bidang fokus
menyeluruh meliputi
Pendidikan, Seni, Budaya
& Warisan, Alam Sekitar
dan Kesejahteraan
Komuniti

Menerapkan
elemen pembangunan
modal insan, keusahawanan,
pengurusan kewangan,
kemahiran, peluang pekerjaan,
jati diri, budaya warisan,
alam sekitar dan
kesejahteraan
komuniti

Meningkatkan
potensi / kemahiran diri
untuk berdikari melalui bidang
kemahiran dan mencipta
peluang pekerjaan

Platform saluran
bagi menyalurkan
sumbangan dan bantuan
untuk kehidupan yang
lebih baik

Memenuhi
garis panduan dan
tadbir urus serta mengawal
kualiti mengikut piawaian
yang ditetapkan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



YAYASAN JOHOR CORPORATION

Level 18, Menara KOMTAR
JBCC, 80000 Johor Bahru
Johor Darul Takzim, Malaysia.
Tel: 607-219 2692

Email: yayasanjohorcorporation@jcorp.com.my

-  **yayasanjohorcorporation**
-  **Yayasan Johor Corporation**
-  **Yayasan Johor Corporation**
-  **www.yayasanjcorp.com.my**

